2. Guna komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian	2.1 Jenis komunikasi lisan 2.2 Bahasa dan format yang bersesuaian 2.3 Kaedah komunikasi asas 2.4 Bahasa isyarat dan tubuh badan 2.5 Penyampaian ide dan maklumat 2.6 Kesedaran budaya	2.1 Mengenal pasti tujuan komunikasi lisan. 2.2 Menggunakan bahasa yang sesuai untuk komunikasi lisan. 2.3 Menerapkan kaedah komunikasi asas. 2.4 Memahami makna bahasa dan pergerakan tubuh badan . 2.5 Meluahkan ide dan maklumat dengan jelas. 2.6 Bertutur dengan jelas dan	<u>Pengetahuan</u> 3	<u>Pengetahuan</u> - Kelas - Perbincangan berkumpulan	2.1 Bahasa bersesuaian dan format komunikasi yg jelas dikenalpasti. 2.2 Tujuan komunikasi lisan ditakrifkan. 2.3 Bahasa bersesuaian digunakan. 2.4 Kaedah komunikasi asas digunakan. 2.5 Bahasa isyarat dan pergerakan badan ditunjukkan. 2.6 Ide asas dan maklumat diluahkan dengan jelas.

KEBOLEHAN	PENGETAHUAN	PRESTASI	JAM LATIHAN	MOD PEMBELAJARAN	KRITERIA PENILAIAN
		mendengar dengan baik. 2.7 Mengenal pasti sensitiviti antara budaya.			2.7 Kemahiran bertutur dan mendengar yang baik diamalkan. 2.8 Sensitiviti antara budaya dikenalpasti.

CoCA bagi Z-009-1:2015-CA01 Komunikasi Asas Pekerjaan

JADUAL PEMBAHAGIAN WIM (TEORI)

Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS

M01 – KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN

Kebolehan	Pelan Mengajar	Kertas Penerangan	Kertas Tugas
1. Gunakan bahasa kerja yang bersesuaian (Inggeris/Bahasa Kebangsaan dll.)	*Z-009-1:2015-M01/P(1/3)PM Bahasa di tempat kerja	Z-009-1:2015-M01/P(1/3) Bahasa di tempat kerja	Z-009-1:2015-M01/T(1/3) Bahasa di tempat kerja
2. Gunakan komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian	*Z-009-1:2015-M01/P(2/3)PM Komunikasi Lisan	Z-009-1:2015-M01/P(2/3) Komunikasi Lisan	Z-009-1:2015-M01/T(2/3) Komunikasi Lisan
3. Fahami bahan-bahan bacaan di tempat kerja	*Z-009-1:2015-M01/P(3/3)PM Bahan-bahan bacaan ditempat kerja	Z-009-1:2015-M01/P(3/3) Bahan-bahan bacaan ditempat kerja	Z-009-1:2015-M01/T(3/3) Bahan-bahan bacaan ditempat kerja

* Dibangunkan oleh Pusat Bertauliah (PB)

JADUAL PEMBAHAGIAN WIM (AMALI)

Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS

CA01 – KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN

Kebolehan	Pelan Mengajar	Kertas Kerja
1. Gunakan bahasa kerja yang bersesuaian	*Z-009-1:2015-M01/K(1/3)PM Guna bahasa bersesuaian di tempat kerja	Z-009-1:2015-M01/K(1/3) Guna bahasa bersesuaian di tempat kerja
2. Gunakan komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian	*Z-009-1:2015-M01/K(2/3)PM Guna komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian	Z-009-1:2015-M01/K(2/3) Guna komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian
3. Fahami bahan-bahan bacaan di tempat kerja	*Z-009-1:2015-M01/K(3/3)PM Faham bahan-bahan bacaan di tempat kerja	Z-009-1:2015-M01/K(3/3) Faham bahan-bahan bacaan di tempat kerja

* Dibangunkan oleh Pusat Bertauliah (PB)



JPK

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEK D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN
(*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA01 KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	01.01 GUNAKAN BAHASA KERJA YANG BERSESUAIAN (INGGERIS / BAHASA KEBANGSAAN dll) 01.02 GUNAKAN KOMUNIKASI LISAN DAN BERTUTUR MENGIKUT KESESUAIAN 01.03 FAHAMI BAHAN-BAHAN BACAAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/P(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd / of : 13

TAJUK/TITLE : KOMUNIKASI LISAN

TUJUAN/PURPOSE :

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai menghuraikan komunikasi oral, bahasa dan format yang sesuai, kaedah komunikasi asas, bahasa gerak-geri dan gerak isyarat, cara penyampaian maklumat dan idea, serta keperluan kesedaran budaya.

PENERANGAN / INFORMATION :

1. Komunikasi Oral

Komunikasi lisan terbahagi dua, iaitu komunikasi oral dan komunikasi bertulis. Komunikasi oral bermaksud komunikasi melalui pertuturan atau perbualan langsung. Ia lebih bersifat semula jadi dan komen/pernyataan boleh dijawab dengan segera. Komunikasi oral memerlukan kemahiran dalam diri penutur dan pendengar untuk memberi tindak balas kepada bahasa gerak-geri masing-masing. Mereka juga perlu mahir menjawab secara spontan.

1.1 Bentuk komunikasi oral

Terdapat tujuh bentuk komunikasi oral yang lazim, iaitu :

- i) Komunikasi intrapersonal ialah pertuturan dalam diri sendiri (pertuturan dalam hati) dalam keadaan tertentu. Sebagai contoh, apabila kita perlu membuat keputusan penting atau mempelajari sesuai tentang diri sendiri. Komunikasi intrapersonal merupakan satu bentuk pemikiran dalaman yang menggunakan bahasa untuk meluahkan pemikiran. Selalunya ia meningkatkan kesedaran diri sendiri dan mengasah kemahiran berfikir.
- ii) Komunikasi interpersonal ialah komunikasi antara beberapa individu. Bentuk komunikasi ini mungkin meliputi konteks tidak peribadi hingga ke konteks sangat peribadi. Komunikasi tidak peribadi ialah ketika perbualan itu berlangsung dengan individu yang tiada hubungan peribadi. Komunikasi peribadi pula biasanya berlaku dengan rakan baik, ahli keluarga dan rakan sekerja. Komunikasi interpersonal boleh berlangsung secara berhadapan mahupun melalui saluran media elektronik seperti persidangan video, ruang sembang, e-mel dan *Twitter*.
- iii) Komunikasi dalam kumpulan kecil biasanya melibatkan 5 hingga 10 orang. Bentuk komunikasi seperti ini lebih kepada memenuhi keperluan hubungan (seperti hubungan persahabatan, keluarga dan hubungan intim) serta dalam situasi yang berbangkit seperti untuk menentukan tindakan disiplin atau menyelesaikan konflik. Dalam situasi tersebut, akan wujud peluang bertukar fikiran, menyelesaikan masalah dan perkongsian pengalaman. Di tempat kerja,

kumpulan kecil bertemu untuk membincangkan isu berkaitan kerja, menyelesaikan masalah, atau untuk tujuan membina pasukan.

iv) Komunikasi awam juga dikenali sebagai pengucapan awam, dan melibatkan komunikasi antara seorang penceramah dengan khalayak. Khalayak ini mungkin terdiri daripada beberapa orang sahaja, atau berjumlah ribuan malah jutaan pendengar. Matlamat penceramah biasanya untuk memberitahu atau memujuk khalayak untuk bertindak, membeli atau berfikir mengikut keadaan tertentu. Misalnya, seorang guru menerangkan tentang kod tatasusila atau peraturan sekolah di perhimpunan, atau seorang ahli politik membuat ucapan tentang bagaimana dia akan menangani sesuatu isu untuk memenangi undi. Seorang eksekutif pula mungkin membuat pembentangan perniagaan untuk mendapatkan jualan yang tinggi.

v) Komunikasi massa ialah komunikasi yang disebarkan daripada satu sumber kepada penerima/pendengar yang ramai diseluruh dunia. Biasanya ia berlaku melalui media seperti filem, radio, video dan televisyen. Saluran moden komunikasi massa seperti Internet dan blog boleh menjadi sangat berkesan dan berkuasa kerana maklumat tersebar secara serta-merta.

vi) Komunikasi korporat ialah komunikasi yang berlaku antara ahli dalam sesebuah organisasi. Perhubungan sesama kumpulan, persidangan bersama rakan sekerja, perbualan dengan penyelia atau pengurus, memberi penerangan dan arahan kepada pekerja, temuduga dan membuat pembentangan adalah antara contoh-contoh komunikasi korporat.

vii) Komunikasi antara budaya adalah komunikasi antara individu yang berbeza budaya dan etniknya. Dunia semakin menjadi perkampungan global dan setiap negara mempunyai rakyat dari berbilang kumpulan etnik. Oleh itu, amatlah penting untuk mengenal pasti perbezaan amalan komunikasi budaya yang berlainan jika ingin mengekalkan keharmonian dan persefahaman antara budaya dan bangsa yang pelbagai.

Misalnya, di kebanyakan negara Asia, pelajar-pelajar akan jarang bercanggah atau tidak bersetuju pendapat dengan guru mereka kerana perbuatan itu dianggap biadap. Di negara barat pula, ia merupakan suatu yang normal untuk pelajar-pelajar melibatkan guru mereka dalam perdebatan dan perbincangan.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 13
---------------------------	--------------------------------	---

Mengenali dan menghormati amalan komunikasi budaya bangsa yang berbeza sangatlah penting.

2. Bahasa dan Format yang Sesuai

Untuk menghasilkan komunikasi berkesan, perlu mengambil kira khalayak yang menjadi sasaran. Di tempat kerja, harus sentiasa memastikan supaya menggunakan bentuk bahasa yang sesuai ketika berkomunikasi. Pastikan sentiasa bertutur dengan sopan untuk memupuk persefahaman dengan semua orang dalam apa jua bentuk komunikasi.

2.1 Bertutur dalam bentuk yang ringkas jika boleh. Elakkan bercakap dengan panjang lebar atau menggunakan kata-kata yang sukar dan tidak perlu. Gunakan ungkapan yang jelas untuk mengelakkan sukar difahami.

2.2 Gunakan format yang sesuai. Setiap organisasi menggunakan bentuk sapaan, atau ungkapan tertentu, atau menganggap sesetengah bentuk komunikasi lebih sesuai daripada bentuk lain untuk tujuan tertentu. Pelajarilah cara menggunakan format-format ini dengan betul.

3. Kaedah Asas Komunikasi

Pelbagai kaedah komunikasi boleh digunakan bergantung pada situasi tertentu. Sesetengah bentuk komunikasi berguna dan sesuai digunakan dalam sesuatu situasi, tetapi tidak semestinya dianggap sesuai dan beretika dalam situasi yang lain. Sebagai contoh, apabila seseorang pekerja ingin melaporkan kepada ketuanya, dia perlu memberikan laporan menggunakan format dan tatabahasa yang formal serta data yang realistik. Tidak profesional sekiranya membuat nota di halaman *Facebook* ketuanya, kerana *Facebook* ialah media sosial yang tidak formal dan tidak sesuai untuk perbincangan rasmi. Semasa bekerja, amat penting bagi kita menggunakan kaedah komunikasi yang sesuai pada setiap masa.

3.1 Kaedah komunikasi oral

i) Komunikasi oral atau secara pertuturan boleh dibuat melalui media berikut:

- a) Perbualan bersemuka
- b) Perbualan telefon

- c) Temuduga
- d) Persembahan
- e) Perbincangan
- f) Mesyuarat
- g) Ceramah
- h) Ucapan
- i) Video melalui telefon
- j) Persidangan video (gabungan audio dan video)
- k) Fail media digital (Podcast, iaitu klip audio yang boleh diakses di internet)
- l) Protokol penyuaran Internet (VOIP), misalnya Skype.

3.2 Walaupun kebanyakan komunikasi mungkin akan dilakukan secara bertutur, cara ini ada kelebihan dan kelemahannya.

i) Kelebihan komunikasi oral

- a) Wujudnya kefahaman dan ketelusan yang tinggi dalam komunikasi melalui pertuturan kerana ia antara perorangan.
- b) Tiada elemen tegar dalam pertuturan. Pertuturan bersifat fleksibel dan membenarkan perubahan dalam keputusan yang telah diambil.
- c) Maklum balas berlaku secara spontan dalam pertuturan. Maka keputusan boleh dibuat tanpa bertanggung.
- d) Pertuturan bukan sahaja menjimatkan masa, bahkan wang dan tenaga.
- e) Pertuturan ialah cara terbaik untuk menyelesaikan masalah. Konflik dapat diselesaikan melalui perbincangan.
- f) Pertuturan ialah elemen terpenting dalam semangat berpasukan.
- g) Pertuturan menggalakkan sikap terbuka dan merangsang semangat sesama pekerja dalam organisasi.
- h) Pertuturan merupakan cara terbaik untuk menyampaikan maklumat/hal sulit dan peribadi.

ii) Kelemahan/kekangan komunikasi oral

- a) Bergantung hanya kepada pertuturan mungkin tidak memadai dalam komunikasi perniagaan kerana ini memerlukan komunikasi yang formal dan terancang.

- b) Pertuturan kurang boleh dipercayai daripada komunikasi bertulis kerana ia lebih bersifat tidak formal dan kurang tersusun.
- c) Pertuturan dalam interaksi harian menjimatkan masa, tetapi dalam mesyuarat, ucapan yang panjang mengambil masa dan ada kalanya tidak produktif.
- d) Pertuturan tidak mudah dikekalkan dan berubah-ubah sifatnya.
- e) Kemungkinan timbul salah faham jika maklumat yang diperlukan tidak lengkap.
- f) Memerlukan perhatian dan sikap terbuka penerima atau khalayak.
- g) Pertuturan (seperti ucapan) tidak sah digunakan sebagai rekod undang-undang kecuali dalam kerja penyiasatan.

3.3 Komunikasi bertulis

Bentuk bertulis lebih sesuai digunakan apabila maklumat terperinci perlu disediakan, seperti maklumat angka dan fakta. Jenis komunikasi bertulis di tempat kerja adalah seperti berikut:

- i) Surat
- ii) Pekeliling
- iii) Memo
- iv) Notis
- v) Laporan
- vi) Minit mesyuarat
- vii) E-mel

4. Bahasa Gerak-Geri dan Gerak Isyarat

Senyuman, gerak isyarat dan pergerakan badan tertentu menghantar mesej kepada orang di sekeliling anda. Inilah yang dinamakan bahasa gerak-geri. Bahasa gerak-geri akan mempengaruhi pandangan orang lain tentang kita. Begitu juga pandangan kita sendiri tentang orang lain atau 'angin' (*mood*) mereka akan dipengaruhi oleh bahasa gerak-geri mereka.

4.1 Bahasa gerak-geri dan gerak isyarat boleh memberi petunjuk dan maklumat tambahan dan makna melebihi pertuturan. Ia boleh:

- i) Mengukuhkan atau mengubah suai apa yang dikatakan. Sebagai contoh, orang mungkin mengangguk kepala mereka apabila berkata "Ya" untuk menekankan bahawa mereka bersetuju dengan orang lain.

- ii) Menyampaikan maklumat mengenai keadaan emosi seseorang.
- iii) Menentukan atau mengukuhkan hubungan antara beberapa orang.
- iv) Memberi maklum balas kepada seseorang.
- v) Mengawal aliran komunikasi, contohnya dengan isyarat kepada orang lain bahawa mereka telah selesai berbicara atau ingin mengatakan sesuatu.



Rajah 1 Bahasa gerak-geri

4.2 Mentafsir bahasa gerak-geri dan isyarat tidak selalunya mudah. Cara komunikasi dipengaruhi oleh konteks ketika ia berlaku. Sebagai contoh, anggukan kepala antara rakan-rakan sekerja dalam mesyuarat mungkin membawa sesuatu maksud tertentu. Akan tetapi, isyarat yang sama mungkin membawa maksud yang berbeza apabila digunakan dalam menyapa seseorang yang kita kenal ketika melihatnya di seberang bilik yang sesak. Lebih rumit lagi, biasanya tidak mungkin untuk mentafsir isyarat atau ungkapan dengan tepat tanpa mengetahui konteksnya. Budaya juga memainkan peranan yang penting dalam mentafsirkan bahasa gerak-geri dan gerak isyarat.

4.3 Bahasa gerak-geri ada yang positif dan ada yang negatif, bergantung postur, iaitu kedudukan atau posisi badan kita.

4.4 Bahasa gerak-geri positif disampaikan melalui postur 'terbuka', manakala bahasa gerak-geri negatif disampaikan melalui postur 'tertutup'. Kedua-dua jenis kedudukan badan ini boleh mencerminkan tahap keyakinan dan status seseorang, serta keterbukaannya terhadap orang lain.

i) Postur terbuka

Postur terbuka biasanya menyampaikan sifat terbuka, serta kesediaan mendengar atau memberi perhatian kepada orang lain. Contoh postur terbuka ialah duduk dengan kedua-dua tangan diletakkan di atas tempat sandaran tangan kerusi ketika menghadap seseorang.

ii) Postur tertutup

Postur tertutup mungkin menandakan rasa tidak selesa atau tidak berminat. Seseorang yang menunjukkan postur tertutup akan duduk dengan tangan atau kakinya bersilang, atau dalam kedudukan yang sedikit menghadap ke arah lain dari orang yang sedang berinteraksi dengannya.



Rajah 2 Contoh postur tertutup dan terbuka

4.5 Bahasa gerak-geri perlu sentiasa positif kerana ia menyampaikan mesej kepada orang yang bercakap dengan kita. Berikut ini ialah beberapa petua :


- i) Jangan membongkok atau mengelak orang yang sedang bercakap dengan kita. Badan harus tegak tetapi bukan tegang.
- ii) Buat hubungan mata tetapi jangan menjelil.
- iii) Angguk sekali-sekala tanda mengiktiraf hal penting dalam perbualan.

- iv) Berdiri dengan menggenggam tangan secara longgar di hadapan badan.
Jangan menyilang tangan di dada.
- v) Jangan bergerak-gerak dengan gelisah.

4.6 Pencerminan

Pencerminan ialah peniruan isyarat bukan lisan seseorang yang lain dan biasanya berlaku tanpa disedari.

Pencerminan mewujudkan hubungan dan persefahaman yang lebih baik dengan individu yang kita cerminkan. Sebaliknya, orang yang kita cerminkan itu pula akan berasa seperti mempunyai hubungan yang lebih baik dengan kita. Pencerminan isyarat bukan lisan orang lain menunjukkan kita memberi perhatian kepadanya, dan bersetuju dengan kata-katanya.



Rajah 3 Pencerminan

5. Cara Penyampaian Maklumat dan Idea

Dalam situasi biasa dan tidak formal, kita mudah bercakap dan tidak teragak-agak berkomunikasi dengan orang lain. Akan tetapi, dalam situasi formal dan rasmi, ramai orang berasa gementar dan tidak mudah bercakap. Bercakap secara berkesan dalam situasi formal memerlukan latihan dan juga amalan, di samping kemahiran.

5.1 Berikut ialah beberapa petua yang akan membolehkan anda menyampaikan idea dengan jelas:

i) Bahasa yang mudah difahami

Ingatlah bahawa bahasa percakapan seharian boleh mengelirukan orang lain. Gunakan bahasa yang lebih mudah difahami pendengar.

ii) Ilustrasi

Kajiselidik telah membuktikan bahawa lebih 60% orang ramai cenderung memahami maklumat dengan lebih berkesan jika maklumat ini disampaikan dalam bentuk visual. Ilustrasi boleh menarik perhatian pendengar.

iii) Idea yang tersusun

Idea yang tersusun akan membolehkan pendengar kekal pada tahap yang sama kerana mereka gemar pada idea yang jelas dan tersusun.

iv) Fokuskan perbincangan kepada perkara utama

Bincangkan perkara yang difikirkan paling penting dan jangan bebankan pendengar dengan maklumat yang tidak perlu.

v) Ringkaskan

Rumusan anda akan menjelaskan maksud anda, dan pendengar akan berupaya mengekalkan maklumat yang telah diberikan.

6. Kesedaran Budaya

Sensitiviti budaya bermula dengan pemahaman bahawa terdapat perbezaan antara budaya. Kita perlu mengakui kenyataan bahawa wujudnya perbezaan serta persamaan budaya tanpa menilai perbezaan budaya tersebut (iaitu, mana satu yang lebih baik atau lebih buruk, betul atau salah).

6.1 Mewujudkan kepekaan dan pemahaman tentang kumpulan etnik yang berbeza biasanya melibatkan perubahan sikap dalaman dan nilai-nilai seseorang. Membina kesedaran dan kepekaan memerlukan sifat keterbukaan dan fleksibiliti ketika berhubung dengan orang lain.

6.2 Perlu membiasakan diri dengan ciri-ciri budaya tertentu, sejarah, nilai murni, sistem kepercayaan dan tingkah laku ahli-ahli kumpulan etnik yang lain. Kita tidak boleh belajar segala-galanya tentang budaya lain tetapi kita boleh memupuk kesedaran budaya kita.

Berikut adalah beberapa cadangan:

- i) Wujudkan kesedaran. Perhatikan sikap pilih kasih dan prejudis sendiri. Sedar akan norma budaya, sikap, kepercayaan dan kepelbagaian nilai.
- ii) Jangan biarkan perbezaan budaya (pilihan) menjadi asas kepada kritikan dan pertimbangan.
- iii) Wujudkan persahabatan dengan perasaan saling menghormati dan keinginan untuk memahami.
- iv) Bersikap jujur dan tunjukkan yang anda ambil berat tentang orang lain dan ikhlas mahu membantu.
- v) Ambil masa untuk mendengar. Jika anda tidak faham, atau anda tidak difahami, ambil masa untuk mengetahui mengapa atau bertanya soalan.
- vi) Peroleh pengetahuan mengenai budaya lain dengan menghadiri kelas atau seminar, membaca buku atau menonton filem mengenai budaya lain, dan menghadiri acara kebudayaan/perayaan.

6.3 Membangunkan sikap kompeten budaya merupakan suatu proses yang berterusan. Penting untuk kita melihat semua orang sebagai individu yang unik dan menyedari bahawa pengalaman, kepercayaan, nilai-nilai dan bahasa mereka mempengaruhi cara berinteraksi dengan orang lain, juga dengan masyarakat yang lebih umum. Kita juga harus sedar bahawa wujud perbezaan wujud dalam budaya. Anggapan bahawa semua ahli sesuatu kumpulan etnik, bahasa atau agama berkongsi satu budaya yang sama adalah tidak tepat.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 13
---------------------------	--------------------------------	---

SOALAN/QUESTIONS :

1. Apakah yang dimaksudkan dengan komunikasi oral?

2. Bagaimanakah caranya menyampaikan maklumat secara komunikasi oral?

3. Mengapakah bahasa gerak-geri dan gerak isyarat penting dalam proses komunikasi?

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 13
---------------------------	--------------------------------	---

RUJUKAN / REFERENCES:

1. *Baden E., (2007). "Communication in the workplace", Milton, Qld:Wiley. ISBN 0-7314-0650-8.*
2. *Perkins P. S.; Brown L., (2008). "The Art and Science of Communication: Tools for Effective Communication in the Workplace", Wiley,ISBN-13 978-0470247594.*
3. *Ting Toomey, S.; Chung, L.C., (2012). "Understanding intercultural communication", Oxford University Press New York, ISBN- 9780199739790.*
4. <https://www.inc.com/encyclopedia/oral-communication.html>
5. <http://seedtraining.com.au/non-verbal-communication/>
6. <http://study.com/academy/lesson/oral-communication-definition-types-advantages.html>
7. http://wikieducator.org/INTRODUCTION_TO_COMMUNICATION
8. http://wps.pearsoned.co.uk/ema_uk_he_robbins_orgbeuro_1/151/38822/9938574.cw/content/index.html
9. <http://www.newsky24.com/bodylanguage/>
10. <http://www.writerswrite.com/journal/aug97/effective-writing-for-the-workplace-8976>

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/T(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd/of : 5
---------------------------	--------------------------------	---

 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEK D PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62530 PUTRAJAYA KERTAS TUGASAN (ASSIGNMENT SHEET)		
KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA01 KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	01.01 GUNAKAN BAHASA KERJA YANG BERSESUAIAN (INGGERIS / BAHASA KEBANGSAAN dll) 01.02 GUNAKAN KOMUNIKASI LISAN DAN BERTUTUR MENGIKUT KESESUAIAN 01.03 FAHAMI BAHAN-BAHAN BACAAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/T(2/3)	Mukasurat / Page: 1 Drpd / Of : 5

TAJUK / TITLE : KOMUNIKASI LISAN

TUJUAN / PURPOSE :

Kertas Tugas ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan pemahaman pelatih mengenai penggunaan komunikasi lisan dan pertuturan mengikut kesesuaian supaya ide dan maklumat boleh disampaikan dengan jelas dan tepat.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/T(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd/of : 5
---------------------------	--------------------------------	---

ARAHAN / INSTRUCTION :

Pelatih hendaklah menjawab semua soalan dan dibenarkan merujuk Kertas

Penerangan Z-009-1:2015-M01/P(2/3)

SOALAN / QUESTION :

1. Untuk menghasilkan komunikasi berkesan, perlu mengambil kira

- A. komunikasi lisan
- B. komunikasi oral
- C. kemahiran dalam diri penutur
- D. khalayak yang menjadi sasaran

(1 markah)

2. Untuk berkomunikasi dengan berkesan, harus menggunakan semua yang berikut
KECUALI

- A. sapaan yang betul
- B. format yang sesuai
- C. ungkapan yang sukar
- D. tatabahasa yang formal

(1 markah)

3. Antara kelebihan komunikasi oral ialah

- A. Bersifat tidak formal
- B. Berubah-ubah sifatnya
- C. Maklum balas berlaku secara spontan
- D. Boleh digunakan sebagai bukti dalam penyiasatan

(1 markah)

4. Anggukan kepala ialah contoh

- A. komunikasi lisan
- B. komunikasi oral
- C. gerak isyarat
- D. bahasa isyarat

(1 markah)

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/T(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd/of : 5
---------------------------	--------------------------------	---

5. Apakah contoh postur terbuka?

- A. Menyilang tangan di dada
- B. Duduk dengan kaki bersilang
- C. Duduk dengan tangan bersilang
- D. Duduk dengan tangan diletakkan di atas tempat sandaran tangan kerusi

(1 markah)

6. Postur tertutup mungkin menandakan

- A. seseorang tidak selesa
- B. seseorang berasa gembira
- C. seseorang berminat mendengar kata-kata penyampai
- D. seseorang meniru isyarat bukan lisan orang lain tanpa disedari

7. markah)

7. Komunikasi _____ ialah komunikasi yang disebarkan daripada satu sumber kepada penerima/pendengar yang ramai diseluruh dunia. (1 markah)

8. Komunikasi _____ adalah komunikasi antara individu yang berbeza budaya dan etniknya. (1 markah)

9. Komunikasi lisan boleh diklasifikasikan kepada dua, iaitu _____ dan _____ (2 markah)

Untuk soalan 10-15, tuliskan BETUL atau SALAH untuk pernyataan yang berikut :

10. Proses komunikasi melibatkan penutur dan pendengar.

11. Maklum balas adalah spontan didalam komunikasi lisan.

12. Percakapan interpersonal adalah percakapan dengan diri sendiri.

13. Bahasa gerak geri dan gerak isyarat adalah komunikasi lisan.

14. Senyuman dan pergerakan badan adalah sebahagian daripada komunikasi.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/T(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd/of : 5
---------------------------	--------------------------------	---

15. Komunikasi lisan memerlukan latihan, amalan dan kemahiran supaya mampu bertutur didalam situasi formal. (6 markah)

16. Namakan lima (5) saluran komunikasi lisan.

(5 markah)

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/T(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd/of : 5
---------------------------	--------------------------------	---

SKEMA JAWAPAN

1. D
2. C
3. C
4. C
5. D
6. A
7. massa
8. antara budaya
9. oral, bertulis
10. Betul
11. Betul
12. Salah
13. Salah
14. Betul
15. Betul
16. Mana-mana lima yang berikut atau jawapan yang boleh diterima:
 - a. Perbualan bersemuka
 - b. Perbualan telefon
 - c. Temu bual/temu duga.
 - d. Pembentangan
 - e. Perbincangan
 - f. Mesyuarat
 - g. Syarahan
 - h. Pertuturan
 - i. Perbualan melalui video

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/K(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd / of : 3
---------------------------	--------------------------------	---

 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEK D PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62530 PUTRAJAYA KERTAS KERJA (WORKSHEET)		
KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA01 KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	01.01 GUNAKAN BAHASA KERJA YANG BERSESUAIAN (INGGERIS / BAHASA KEBANGSAAN dll) 01.02 GUNAKAN KOMUNIKASI LISAN DAN BERTUTUR MENGIKUT KESESUAIAN 01.03 FAHAMI BAHAN-BAHAN BACAAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/K(2/3)	Mukasurat / Page: 19 Drpd / Of : 3

TAJUK / TITLE : GUNA KOMUNIKASI LISAN DAN BERTUTUR MENGIKUT KESESUAIAN

TUJUAN PEMBELAJARAN / INSTRUCTIONAL AIMS

Pelatih berketerampilan untuk:-

1. Kenal pasti tujuan komunikasi lisan.
2. Takrifkan tujuan komunikasi lisan.
3. Gunakan bahasa yang sesuai untuk komunikasi lisan.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/K(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd / of : 3
---------------------------	--------------------------------	---

4. Terapkan kaedah komunikasi asas.
5. Fahami makna bahasa dan pergerakan tubuh badan .
6. Luahkan ide dan maklumat dengan jelas.
7. Tutur dengan jelas dan mendengar dengan baik.
8. Kenal pasti sensitiviti antara budaya.

ARAHAN / INSTRUCTION

Pelatih dikehendaki menerapkan kebolehan teras dalam bidang NOSS yang berkaitan mengikut tahap.

LUKISAN, DATA DAN JADUAL / DRAWING, DATA AND TABLE :

TIADA

PERALATAN, PERKAKASAN DAN BAHAN / TOOLS, EQUIPMENT AND MATERIAL

BIL.	BAHAN / Material	UKURAN/ Measurement	KUANTITI / Quantity (Bahan : Calon) / (Material : Candidate)
Rujuk TEM NOSS yang berkaitan			

LANGKAH KERJA / STEPS	BUTIRAN KERJA / DETAILS
Rujuk kertas kerja NOSS yang berkaitan	

SOALAN / QUESTION

TIADA

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M01/K(2/3)	Mukasurat / Page : Drpd / of : 3
---------------------------	--------------------------------	---

SENARAI SEMAK PENUNJUK KEBOLEHAN TERAS /

CORE ABILITY INDICATORS CHECKLIST

Bil / No.	Penunjuk Pencapaian / Performance Indicators	Patuh/ Complied	Tidak Patuh / Not Complied	Catatan / Remark
------------------	---	------------------------	-----------------------------------	-------------------------

Kebolehan 1.2

1	Bahasa bersesuaian dan format komunikasi yg jelas dikenalpasti.	☐	☐	_____
2	Tujuan komunikasi lisan ditakrifkan.	☐	☐	_____
3	Bahasa bersesuaian digunakan.	☐	☐	_____
4	Kaedah komunikasi asas digunakan.	☐	☐	_____
5	Bahasa isyarat dan pergerakan badan ditunjukkan.	☐	☐	_____
6	Ide asas dan maklumat diluahkan dengan jelas.	☐	☐	_____
7	Kemahiran bertutur dan mendengar yang baik diamalkan.	☐	☐	_____
8	Sensitiviti antara budaya dikenalpasti.	☐	☐	_____

.....

(Tandatangan dan Nama Pelatih)

Trainee's Name and Signature

.....

(Tandatangan dan Nama Pengajar)

Instructor's Name and Signature

Tarikh/Date: _____

Tarikh/Date: _____

JADUAL PEMBAHAGIAN PENILAIAN KERJA KURSUS

Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS M01 – KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN

Kebolehan	Penilaian Pengetahuan	Pematuhan Penunjuk Prestasi
1. Gunakan bahasa kerja yang bersesuaian (Inggeris/Bahasa Kebangsaan dll.)	Z-009-1:2015-M01/KA(1/1)	Z-009-1:2015-M01/K(1/3)
2. Gunakan komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian		Z-009-1:2015-M01/K(2/3)
3. Fahami bahan-bahan bacaan di tempat kerja		Z-009-1:2015-M01/K(3/3)

PENILAIAN PRESTASI NCS-CORE ABILITIES

(Borang ini perlu diisi oleh PP pada setiap kali menjalankan Penilaian Prestasi)

KEBOLEHAN TERAS – TAHAP 1

Nama Calon: _____

No Kad Pengenalan: _____

Nama Pusat Bertauliah: _____

Kod Pusat Bertauliah: _____

Nota: PP perlu menanda (✓) pada KEBOLEHAN berkaitan yang dinilai di ruangan skala yang disediakan.

PERKARA	KEBOLEHAN	1	2	3	4	5	CATATAN
CA01	KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN						
1.1	Gunakan bahasa kerja yang bersesuaian						
1.2	Guna komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian						
1.3	Fahami bahan-bahan bacaan di tempat kerja						
CA02	KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL						
2.1	Pamerkan kejujuran dan integriti						
2.2	Amalkan ketepatan masa						
2.3	Pamerkan kerja berpasukan						
CA03	KESEDARAN ETIKA DI TEMPAT KERJA						
3.1	Respon pada arahan						
3.2	Pamerkan disiplin						
CA04	KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR						
4.1	Patuhi pada aktiviti kesedaran kesihatan						
4.2	Patuhi pada aktiviti kesedaran keselamatan						
4.3	Patuhi pada aktiviti kesedaran alam persekitaran						

Skala – Tahap Pencapaian

1	2	3	4	5
Sangat Lemah Langsung tidak mencapai kriteria	Lemah Tidak mencapai kriteria yg ditetapkan	Sederhana Mencapai kriteria yang minima	Baik Mencapai kriteria dalam banyak keadaan	Sangat Baik Mencapai kriteria dengan cemerlang

Tarikh Penilaian :		Nama PP:		T/tangan PP:	
KEPUTUSAN		LULUS/GAGAL			



REKOD PENILAIAN KUMULATIF (RPK) - TEORI
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM): NCS – CORE ABILITIES (TAHAP 1)

JPK/CA/RPK-T1

NAMA CALON:	PUSAT BERTAULIAH:
--------------------	--------------------------

<u>PERINGATAN:</u>	1. RPK ini hendaklah diisi dan disimpan dalam Rekod Bukti Pencapaian (Portfolio) Calon. 2. Pegawai Penilai (PP)/Tenaga Pengajar (TP) dan Pegawai Pengesahan Dalam (PPD) perlu menandatangani hanya setelah calon lulus penilaian teori Core Abilities. 3. Bukti-bukti pencapaian penilaian teori Core Abilities mesti disimpan dalam Portfolio Calon. PPD mesti menyemak bukti-bukti tersebut bagi tujuan pengesahan dalaman.
---------------------------	---

Dilantik Sebagai :	Pegawai Pengesah Dalam	Pegawai Penilai/Tenaga Pengajar	Pegawai Penilai/Tenaga Pengajar	Pegawai Penilai/Tenaga Pengajar
Nama:				
Contoh T/Tangan:				

Z-009-1:2015-CA01	KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN Markah Penilaian Teori:
Tarikh Penilaian	
T/tangan PP/TP	
T/tangan PPD	

Z-009-1:2015-CA02	KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL Markah Penilaian Teori:
Tarikh Penilaian	
T/tangan PP/TP	
T/tangan PPD	

Z-009-1:2015-CA03	KESEDARAN ETIKA DI TEMPAT KERJA Markah Penilaian Teori:
Tarikh Penilaian	
T/tangan PP/TP	
T/tangan PPD	



REKOD PENILAIAN KUMULATIF (RPK) - TEORI
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM): NCS – CORE ABILITIES (TAHAP 1)

JPK/CA/RPK-T1

NAMA CALON:

PUSAT BERTAULIAH:

Z-009-1:2015- CA04	KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR
	Markah Penilaian Teori:
Tarikh Penilaian	
T/tangan PP/TP	
T/tangan PPD	



M01 - ASAS KOMUNIKASI PEKERJAAN

Sub–Modul 2

KOMUNIKASI LISAN DAN BERTUTUR MENGIKUT KESESUAIAN

Z-009-1:2015-M01/P(2/3)

TAHAP 1

Kertas Penerangan 2

KOMUNIKASI LISAN DAN BERTUTUR MENGIKUT KESESUAIAN

NATIONAL COMPETENCY STANDARD CORE ABILITIES



Copyright © DSD 2015

All rights reserved

No part of this publication may be produced, stored in data base, retrieval system, or in any form by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without prior written permission from Department of Skills Development (DSD)

ISI KANDUNGAN

- TUJUAN
- PENGENALAN
 - 1.KOMUNIKASI ORAL
 - 2.BAHASA DAN FORMAT YANG SESUAI
 - 3.KAEDAH ASAS KOMUNIKASI
 - 4.BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT
 - 5.CARA PENYAMPAIAN MAKLUMAT DAN IDEAKESEDARAN BUDAYA

TUJUAN

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan;

- ✓ Komunikasi oral
- ✓ Bahasa dan format yang sesuai
- ✓ Kaedah komunikasi yang asas
- ✓ Bahasa gerak-geri dan gerak isyarat
- ✓ Cara penyampaian maklumat dan idea
- ✓ Keperluan kesedaran budaya

PENGENALAN

Komunikasi lisan dan pertuturan perlu dilakukan dengan penggunaan bahasa sesuai mengikut format yang dikenal pasti. Di samping itu, menggunakan kaedah komunikasi asas, bahasa gerak-geri dan gerak isyarat yang betul. Maklumat dan idea perlu disampaikan secara jelas dan sensitiviti budaya perlu dihormati.

1. KOMUNIKASI ORAL

Komunikasi oral bermaksud komunikasi melalui pertuturan atau perbualan langsung. Ia lebih bersifat semula jadi dan komen/pernyataan boleh dijawab dengan segera.



1. KOMUNIKASI ORAL (samb.)

Komunikasi oral memerlukan kemahiran dalam diri penutur dan pendengar untuk memberi tindak balas kepada bahasa gerak-geri masing-masing. Mereka juga perlu mahir menjawab secara spontan.



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL

Terdapat tujuh bentuk komunikasi oral yang lazim, iaitu :

i) Komunikasi intrapersonal ialah pertuturan dalam diri sendiri (pertuturan dalam hati) dalam keadaan tertentu. Sebagai contoh, apabila kita perlu membuat keputusan penting atau mempelajari sesuai tentang diri sendiri. Komunikasi intrapersonal merupakan satu bentuk pemikiran dalaman yang menggunakan bahasa untuk meluahkan pemikiran...



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL (samb.)

ii) Komunikasi interpersonal ialah komunikasi antara beberapa individu. Bentuk komunikasi ini mungkin meliputi konteks tidak peribadi hingga ke konteks sangat peribadi. Komunikasi tidak peribadi ialah ketika perbualan itu berlangsung dengan individu yang tiada hubungan peribadi...



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL (samb.)

iii) Komunikasi dalam kumpulan kecil biasanya melibatkan 5 hingga 10 orang. Bentuk komunikasi seperti ini lebih kepada memenuhi keperluan hubungan (seperti hubungan persahabatan, keluarga dan hubungan intim) serta dalam situasi yang berbangkit seperti untuk menentukan tindakan disiplin atau menyelesaikan konflik.



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL (samb.)

iv) Komunikasi awam juga dikenali sebagai pengucapan awam, dan melibatkan komunikasi antara seorang penceramah dengan khalayak. Khalayak ini mungkin terdiri daripada beberapa orang sahaja, atau berjumlah ribuan malah jutaan pendengar. Matlamat penceramah biasanya untuk memberitahu atau memujuk khalayak untuk bertindak, membeli atau berfikir mengikut keadaan tertentu...



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL (samb.)

v) Komunikasi massa ialah komunikasi yang disebarkan daripada satu sumber kepada penerima/pendengar yang ramai diseluruh dunia. Biasanya ia berlaku melalui media seperti filem, radio, video dan televisyen...



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL (samb.)

vi) Komunikasi korporat ialah komunikasi yang berlaku antara ahli dalam sesebuah organisasi. Perhubungan sesama kumpulan, persidangan bersama rakan sekerja, perbualan dengan penyelia atau pengurus, memberi penerangan dan arahan kepada pekerja, temuduga dan membuat pembentangan...



1.1 BENTUK KOMUNIKASI ORAL (samb.)

vii) Komunikasi antara budaya adalah komunikasi antara individu yang berbeza budaya dan etniknya. Dunia semakin menjadi perkampungan global dan setiap negara mempunyai rakyat dari berbilang kumpulan etnik.




2. BAHASA DAN FORMAT YANG SESUAI

Untuk menghasilkan komunikasi berkesan, perlu mengambil kira khalayak yang menjadi sasaran. Di tempat kerja, harus sentiasa memastikan supaya menggunakan bentuk bahasa yang sesuai ketika berkomunikasi. Pastikan sentiasa bertutur dengan sopan untuk memupuk persefahaman dengan semua orang dalam apa jua bentuk komunikasi.



2. BAHASA DAN FORMAT YANG SESUAI (samb.)

2.1 Bertutur dalam bentuk yang ringkas jika boleh. Elakkan bercakap dengan panjang lebar atau menggunakan kata-kata yang sukar dan tidak perlu. Gunakan ungkapan yang jelas untuk mengelakkan sukar difahami.



3. KAEDAH ASAS KOMUNIKASI

Pelbagai kaedah komunikasi boleh digunakan bergantung pada situasi tertentu. Sesetengah bentuk komunikasi berguna dan sesuai digunakan dalam sesuatu situasi, tetapi tidak semestinya dianggap sesuai dan beretika dalam situasi yang lain...



3. KAEDAH ASAS KOMUNIKASI (Samb.)

Tidak profesional sekiranya membuat nota di halaman *Facebook* ketuanya, kerana *Facebook* ialah media sosial yang tidak formal dan tidak sesuai untuk perbincangan rasmi. Semasa bekerja, amat penting bagi kita menggunakan kaedah komunikasi yang sesuai pada setiap masa.



3. KAEDAH ASAS KOMUNIKASI (Samb.)

- 3.1 ...kaedah komunikasi oral
- 3.2 ... kelebihan dan kelemahan komunikasi bertutur
- 3.3 Komunikasi bertulis

3. KAEDAH ASAS KOMUNIKASI (Samb.)

- 3.3 Komunikasi bertulis

- Surat
- Pekeliling
- Memo
- Notis
- Laporan
- Minit mesyuarat
- E-mel




notis

memo

4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT

Senyuman, gerak isyarat dan pergerakan badan tertentu menghantar mesej kepada orang di sekeliling anda. Inilah yang dinamakan bahasa gerak-geri. Bahasa gerak-geri akan mempengaruhi pandangan orang lain tentang kita...



4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT (samb.)

4.1 Bahasa gerak-geri dan gerak isyarat boleh memberi petunjuk dan maklumat tambahan dan makna melebihi pertuturan.

- Mengukuhkan atau mengubah suai...
- Menyampaikan maklumat...
- Menentukan atau mengukuhkan hubungan...
- Memberi maklum balas...
- Mengawal aliran komunikasi...

4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT (Samb.)



4.1 Bahasa gerak geri ... membela diri (*defensive*), angkuh (*arrogance*), jengkel (*annoyed*), sakit hati (*irritated*), gembira (*happy*), bingung (*confused*) dan risau (*worried*).

4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT (Samb.)

4.3 Bahasa gerak-geri ada yang positif dan ada yang negatif, bergantung postur, iaitu kedudukan atau posisi badan kita.

Jangan tidak mengetahui bahasa gerak-geri yang menonjol personaliti.



4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT (Samb.)

4.4 i) Postur terbuka

Postur terbuka biasanya menyampaikan sifat terbuka, serta kesediaan mendengar atau memberi perhatian kepada orang lain. Contoh postur terbuka ialah duduk dengan kedua-dua tangan diletakkan di atas tempat sandaran tangan kerusi ketika menghadap seseorang.




4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT (Samb.)

4.4 Postur tertutup

Postur tertutup mungkin menandakan rasa tidak selesa atau tidak berminat. Seseorang yang menunjukkan postur tertutup akan duduk dengan tangan atau kakinya bersilang, atau dalam kedudukan yang sedikit menghadap ke arah lain dari orang yang sedang berinteraksi dengannya.

4. BAHASA GERAK-GERI DAN GERAK ISYARAT (Samb.)



Gambar rajah – contoh bahasa gerak-geri membela diri (wanita), postur tertutup (berpeluk tubuh) menandakan sikap tertutup dan postur terbuka menandakan sikap terbuka.

5. CARA PENYAMPAIAN MAKLUMAT DAN IDEA

Dalam situasi biasa dan tidak formal, kita mudah bercakap dan tidak teragak-agak berkomunikasi dengan orang lain. Akan tetapi, dalam situasi formal dan rasmi, ramai orang berasa gementar dan tidak mudah bercakap. Bercakap secara berkesan dalam situasi formal memerlukan latihan dan juga amalan, di samping kemahiran.



5. PETUA MENYAMPAI IDEA (samb.)

5.1 Beberapa petua yang akan membolehkan penyampaian idea dengan jelas;

- i) Bahasa yang mudah difahami
- ii) Ilustrasi
- iii) Idea yang tersusun
- iv) Fokus perbincangan
- v) Ringkaskan

6. KESEDARAN BUDAYA

Sensitiviti budaya bermula dengan pemahaman bahawa terdapat perbezaan antara budaya. Kita perlu mengakui kenyataan bahawa wujudnya perbezaan serta persamaan budaya tanpa menilai perbezaan budaya tersebut (iaitu, mana satu yang lebih baik atau lebih buruk, betul atau salah).

6. KESEDARAN BUDAYA (samb.)

6.2 Cadangan:

- i) Wujudkan kesedaran...
- ii) Jangan biarkan perbezaan...
- iii) Wujudkan persahabatan...
- iv) Bersikap jujur...
- v) Ambil masa mendengar...
- vi) Perolehi pengetahuan...

SOALAN ??

TERIMA KASIH

CONTOH SENARAI SEMAK PENUNJUK CA

*Pilih Penunjuk Pencapaian yang bersesuaian dengan bidang kemahiran

SENARAI SEMAK PENUNJUK KEMAHIRAN TERAS /

CORE ABILITY INDICATORS CHECKLIST

Bil / No.	Penunjuk Pencapaian / Performance Indicators	Patuh/ Complied	Tidak Patuh / Not Complied	Catatan / Remark
Kebolehan 1.2				
1	Bahasa bersesuaian dan format komunikasi yg jelas dikenalpasti.	☐	☐	
2	Tujuan komunikasi lisan ditakrifkan.	☐	☐	
3	Bahasa bersesuaian digunakan.	☐	☐	
4	Kaedah komunikasi asas digunakan.	☐	☐	
5	Bahasa isyarat dan pergerakan badan ditunjukkan.	☐	☐	
6	Ide asas dan maklumat diluahkan dengan jelas.	☐	☐	
7	Kemahiran bertutur dan mendengar yang baik diamalkan.	☐	☐	
8	Sensitiviti antara budaya dikenalpasti.	☐	☐	

CONTOH BORANG CA01

JPK/CA/PP

PENILAIAN PRESTASI *NCS-CORE ABILITIES*

(Borang ini perlu diisi oleh PP pada setiap kali menjalankan Penilaian Prestasi)

CORE ABILITIES – TAHAP 1

Nama Calon: _____

No Kad Pengenalan: _____

Nama Pusat Bertauliah: _____

Kod Pusat Bertauliah: _____

Nota: PP perlu menanda (✓) pada KEMAHIRAN berkaitan yang dinilai di ruangan skala yang disediakan.

PERKARA	KEBOLEHAN	1	2	3	4	5	CATATAN
CA01	KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN						
1.1	<u>Gunakan bahasa kerja yang bersesuaian</u>						
1.2	<u>Guna komunikasi lisan dan bertutur mengikut kesesuaian</u>						
1.3	<u>Fahami bahan-bahan bacaan di tempat kerja</u>						
CA02	KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL						
2.1	<u>Tunjukkan keuletan dan integriti</u>						

CONTOH BORANG RPK



REKOD PENILAIAN KUMULATIF (RPK) - TEORI
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM): NCS – CORE ABILITIES (TAHAP 1)

JPK/CA/RPK-T1

NAMA CALON: **PUSAT BERTAULIAH:**

PERINGATAN:

1. RPK ini hendaklah diisi dan disimpan dalam Rekod Bukti Pencapaian (Portfolio) Calon.
2. Pegawai Penilai (PP)/Tenaga Pengajar (TP) dan Pegawai Pengesahan Dalam (PPD) perlu menandatangani hanya setelah calon lulus penilaian teori Core Abilities.
3. Bukti-bukti pencapaian penilaian teori Core Abilities mesti disimpan dalam Portfolio Calon. PPD mesti menyemak bukti-bukti tersebut bagi tujuan pengesahan dalaman.

Dilantik Sebagai :	Pegawai Pengesah Dalaman	Pegawai Penilai/Tenaga Pengajar	Pegawai Penilai/Tenaga Pengajar	Pegawai Penilai/Tenaga Pengajar
Nama:				
Contoh T/Tangan:				

Z-009-1:2015-CA01	KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN
	<u>Markah Penilaian Teori:</u>
	<u>Tarikh Penilaian</u>
<u>T/tangan PP/TP</u>	
<u>T/tangan PPD</u>	

Z-009-1:2015-CA02	KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL
	<u>Markah Penilaian Teori:</u>
	<u>Tarikh Penilaian</u>
<u>T/tangan PP/TP</u>	
<u>T/tangan PPD</u>	

Z-009-1:2015-CA03	KESEDARAN ETIKA DI TEMPAT KERJA
	<u>Markah Penilaian Teori:</u>
	<u>Tarikh Penilaian</u>
<u>T/tangan PP/TP</u>	
<u>T/tangan PPD</u>	

SUMBER RUJUKAN

- Baden E., (2007). "Communication in the workplace", Milton, Qld:Wiley. ISBN 0-7314-0650-8.
- Perkins P. S.; Brown L., (2008). "The Art and Science of Communication: Tools for Effective Communication in the Workplace", Wiley,ISBN-13 978-0470247594.
- Ting Toomey, S.; Chung, L.C., (2012). "Understanding intercultural communication", Oxford University Press New York, ISBN- 9780199739790.
- <https://www.inc.com/encyclopedia/oral-communication.html>
- <http://seedtraining.com.au/non-verbal-communication/>
- <http://study.com/academy/lesson/oral-communication-definition-types-advantages.html>
- [http://wikieducator.org/INTRODUCTION TO COMMUNICATION](http://wikieducator.org/INTRODUCTION_TO_COMMUNICATION)
- http://wps.pearsoned.co.uk/ema_uk_he_robbins_orgbeuro_1/151/38822/9938574.cw/content/index.html
- <http://www.newsky24.com/bodylanguage/>
- <http://www.writerswrite.com/journal/aug97/effective-writing-for-the-workplace-8976>



BAHAN PEMBELAJARAN

TAHAP 1

M01 : KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN

SUB MODUL 3

BAHAN BACAAN DITEMPAT KERJA

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 – 8, BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA

JULAI 2017

Z-009-1:2015-M01 KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN

KANDUNGAN

MUKASURAT

1. AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	i
2. CARTA PROFIL KOMPETENSI	v
3. KURIKULUM KEBOLEHAN TERAS	vi
Z-009-1:2015 (CoCA-Z-009-1:2015-CA01)	
4. JADUAL PEMBAHAGIAN WIM	
4.1 TEORI	vii
4.2 AMALI	viii
5. SET WIM TEORI	
5.1 Z-009-1:2015-M01/P(3/3)	1
5.2 Z-009-1:2015-M01/T(3/3)	12
6. SET WIM AMALI	
6.1 Z-009-1:2015-M01/K(3/3)	16
7. JADUAL PEMBAHAGIAN PENILAIAN	19
8. LAMPIRAN	
8.1 BORANG PENILAIAN PRESTASI (JPK/CA/01)	20
8.2 REKOD PENILAIAN KUMULATIF (RPK)	22

BAHAN PEMBELAJARAN
Z-009-1:2015 M01 KOMUNIKASI ASAS PEKERJAAN

PANEL PEMBANGUN

EN. ISMAIL BIN ABDULLAH
INTERNATIONAL GREEN TRAINING CENTRE

EN. AWALDIN BIN MOHD ARIF
INDUSTRI TESTING & ENGINEERING INSPECTION SDN. BHD

EN. BAHRUDIN BIN MAMAT
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SELANGOR

EN. AHMAD BIN MOHAMAD
MONT SPHINX YBK SDN BHD (YAYASAN BASMI KEMISKINAN)

EN. SULAIMAN BIN OMAR
AINULNAIM RESOURCES (YAYASAN BASMI KEMISKINAN)

DR. AZLAN JUMAT BIN ABDUL GHANIE
AZLAN GHANIE (M) SDN. BHD

EN. MOHD FADLI ADHA BIN MOHAMAD RASHID
PERSATUAN GURU-GURU SENI BELADIRI MALAYSIA

EN. MOHD FAIRUZ BIN TALIB
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) BATU PAHAT

DR. NORLIHAWATI BINTI HAJIDAN
THE STEALTH ORGANISATION

EN. MOHD SAARI BIN CHE AWANG
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PEDAS

EN. MOHD ISA BIN SHAMSUDDIN
INSTITUT KEJURUTERAAN TENTERA DARAT (IJED)

TN. SYED ABDUL GHANI BIN SYED TUAN CHEK
ANF SYNERGY SDN. BHD.

EN. MOHD HERMAN BIN ROSLI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PN. TANJA BINTI JONID
PERSENDIRIAN

FASILITATOR
TN. HJ. ZAHARUDIN BIN ABDUL LATIF A.M.N.
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

PANEL PEMBANGUN SOALAN

EN. ISMAIL BIN ABDULLAH
INTERNATIONAL GREEN TRAINING CENTRE

TN. SYED ABDUL GHANI BIN SYED TUAN CHEK
ANF SYNERGY SDN. BHD.

EN. SULAIMAN BIN OMAR
AINULNAIM RESOURCES (YAYASAN BASMI KEMISKINAN)

DR. AZLAN JUMAT BIN ABDUL GHANIE
AZLAN GHANIE (M) SDN. BHD

DR. NORLIHAWATI BINTI HAJIDAN
THE STEALTH ORGANISATION

MOHD SAARI BIN CHE AWANG
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PEDAS

EN. MOHD FADLI ADHA BIN MOHAMAD RASHID
PERSATUAN GURU-GURU SENI BELADIRI MALAYSIA

EN. MOHD ISA BIN SHAMSUDDIN
PERSENDIRIAN

EN. HAMZAH BIN ZAKARIA
PERSENDIRIAN

TN. SYED ABDUL GHANI BIN SYED TUAN CHEK
ANF SYNERGY SDN. BHD.

EN. SULAIMAN BIN OMAR
AINULNAIM RESOURCES (YAYASAN BASMI KEMISKINAN)

DR. AZLAN JUMAT BIN ABDUL GHANIE
AZLAN GHANIE (M) SDN. BHD

PN. TANJA BINTI JONID
PERSENDIRIAN

EN. MOHD FADLI ADHA BIN MOHAMAD RASHID
PERSATUAN GURU-GURU SENI BELADIRI MALAYSIA

FASILITATOR
TN. HJ. ZAHARUDIN BIN ABDUL LATIF A.M.N.
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

PANEL PEMBANGUN SLAID

EN. MOHD FADLI ADHA BIN MOHAMAD RASHID
PERSATUAN GURU-GURU SENI BELADIRI MALAYSIA

SABARIAH BINTI M SALLEH
PERSENDIRIAN

ANIS AYUNI BINTI SUIED
PERSENDIRIAN

KHAIRUN NISA' BINTI MINHAD
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTIRK,ELEKTRONIK DAN SISTEM UKM


SHARIFAH ATIQA BINTI SYED ANUAR
PERSENDIRIAN

MUHAMMAD ARASH BIN MD ZAN
PERSENDIRIAN

FASILITATOR
TN. HJ. ZAHARUDIN BIN ABDUL LATIF A.M.N.
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

CARTA PROFIL KEBOLEHAN TERAS (CAPC)

SEKTOR	SEMUA SEKTOR		
SUB SEKTOR	SEMUA SUB SEKTOR		
BIDANG PEKERJAAN	SEMUA BIDANG PEKERJAAN		
TAJUK NCS	KEBOLEHAN TERAS		
TAHAP PEKERJAAN	SATU (1)	KOD BIDANG PEKERJAAN	Z-009-1:2015



CAPC bagi NOSS Z-009-1:2015 Kebolehan Teras

KURIKULUM KEBOLEHAN TERAS (CoCA)

SEKTOR	SEMUA SEKTOR				
SUB SEKTOR	SEMUA SUB SEKTOR				
BIDANG PEKERJAAN	SEMUA BIDANG PEKERJAAN				
BIDANG NCS	KEBOLEHAN TERAS				
TAJUK UNIT KEBOLEHAN	KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL				
HASIL PEMBELAJARAN	Calon yang terampil di dalam CA ini berkebolehan untuk menunjukkan sikap, nilai-nilai dan keperibadian yang baik di alam pekerjaan. Setelah melengkapkan unit keterampilan ini, calon perlu mampu untuk :- • Pamerkan kejujuran dan integriti • Amalkan ketepatan masa • Pamerkan kerja berpasukan				
ID UNIT KEBOLEHAN	Z-009-1:2015-CA02	TAHAP	1	JANGKAMASA LATIHAN	15

KEBOLEHAN	PENGETAHUAN	PRESTASI	JAM LATIHAN	MOD PEMBELAJARAN	KRITERIA PENILAIAN
1. Pamerkan kejujuran dan integriti	1.1 Konsep kejujuran dan integriti 1.2 Prinsip Kerahsiaan 1.3 Amalan Standards 1.4 Garisa panduan etika	1.1 Faham konsep kejujuran dan integriti. 1.2 Faham prinsip kerahsiaan. 1.3 Patuh amalan standard. 1.4 Ikut garis panduan etika. 1.5 Amal interaksi yang baik	<u>Pengetahuan</u> 4	<u>Pengetahuan</u> • Kelas • Perbincangan berkumpulan	1.1 Konsep kejujuran dan integriti ditentukan 1.2 Amalan piawaian dan garis panduan etika dipatuhi. 1.3 Prinsip kerahsiaan dikenal pasti. 1.4 Interaksi yang baik antara rakan dan pegawai atasan diterima.

KEBOLEHAN	PENGETAHUAN	PRESTASI	JAM LATIHAN	MOD PEMBELAJARAN	KRITERIA PENILAIAN
					1.5 Amalan Standard dipatuhi
2. Amalkan ketepatan masa	2.1 Garis panduan disiplin 2.2 Tanggungjawab dan tugas kerja 2.3 Garis panduan kehadiran kerja 2.4 Kepatuhan penghasilan kerja.	2.1 Pamer kerja tugas dan tanggungjawab. 2.2 Patuh kehadiran di tempat kerja. 2.3 Daftar sistem kehadiran kakitangan. 2.4 Amal prosedur penjagaan masa yang baik. 2.5 Sempurnakan tugas kerja dalam tempoh yang diperuntukkan.	<u>Pengetahuan</u> 4	<u>Pengetahuan</u> • Kelas • Perbincangan berkumpulan	2.1 Sistem kehadiran kakitangan didaftarkan 2.2 Kehadiran kerja dipatuhi. 2.3 Prosedur penjagaan masa yang baik diikuti. 2.4 Ketepatan masa menjalankan kerja sentiasa dipatuhi. 2.5 Semua tugas disempurnakan dalam tempoh masa yang diperuntukkan.
3. Pamerkan kerja berpasukan	3.1 Peranan dalam pasukan 3.2 Perkongsian maklumat 3.3 Konsep kerjasama berpasukan 3.4 Langkah asas penyelesaian masalah 3.5 Komunikasi sosio - budaya	3.1 Kenal pasti peranan yang berbeza dalam satu pasukan. 3.2 Berkongsi maklumat berkaitan dengan ahli pasukan. 3.3 Dengar dan beri maklum balas terhadap lontaran idea ahli pasukan.	<u>Pengetahuan</u> 7	<u>Pengetahuan</u> • Kelas • Perbincangan berkumpulan	3.1 Peranan yang berbeza dalam satu pasukan dikenal pasti. 3.2 Maklumat berkaitan yang dikongsi bersama-sama ahli pasukan 3.3 Masalah asas penyelesaian berkaitan dengan aktiviti kerja ditunjukkan. 3.4 Pelbagai budaya diperakui.

CoCA bagi Z-009-1:2015-CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL

JADUAL PEMBAGIAN WIM (TEORI)
Z-009-1:2015 KEMAHIRAN TERAS
M02 – KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL

Kebolehan	Pelan Mengajar	Kertas Penerangan	Kertas Tugas
1. Pamerkan kejujuran dan integriti	*Z-009-1:2015-M02/P(1/3)PM Kejujuran dan integriti	Z-009-1:2015-M02/P(1/3) Kejujuran dan integriti	Z-009-1:2015-M02/T(1/3) Kejujuran dan integriti
2. Amalkan ketepatan masa	*Z-009-1:2015-M02/P(2/3)PM Ketepatan masa	Z-009-1:2015-M02/P(2/3) Ketepatan masa	Z-009-1:2015-M02/T(2/3) Ketepatan masa
3. Pamerkan kerjasama berpasukan	*Z-009-1:2015-M02/P(3/3)PM Kerja berpasukan	Z-009-1:2015-M02/P(3/3) Kerja berpasukan	Z-009-1:2015-M02/T(3/3) Kerja berpasukan

* Dibangunkan oleh Pusat Bertauliah (PB)

JADUAL PEMBAHAGIAN WIM (AMALI)
Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS
M02 - KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL

Kebolehan	Pelan Mengajar	Kertas Kerja
4. Pamerkan kejujuran dan integriti	*Z-009-1:2015-M02/K(1/1)PM Pamer tingkah laku personal	Z-009-1:2015-M02/K(1/1) Pamer tingkah laku personal
5. Amalkan ketepatan masa		
6. Pamerkan kerjasama berpasukan		

* Dibangunkan oleh Pusat Bertauliah (PB)



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN (*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	02.01 PAMERKAN KEJUJURAN DAN INTEGRITI 02.02 AMALKAN KETEPATAN MASA 02.03 PAMERKAN KERJA BERPASUKAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : 1 Drpd / of : 10

TAJUK/TITLE : KEJUJURAN DAN INTEGRITI

TUJUAN/PURPOSE :

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai konsep kejujuran dan integriti, amalan piawaian dan garis panduan etika, prinsip kerahsiaan, interaksi yang baik antara rakan dan pegawai atasan dan amalan Standard.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

PENERANGAN/INFORMATION :

1. Konsep Kejujuran Dan Integriti

1.1 Pengenalan

Kebanyakan manusia lebih suka keamanan daripada peperangan dan pertelingkahan, menghargai kestabilan dan nilai kebahagiaan, kenikmatan dan keselesaan. Secara amnya, huru-hara dan pertelingkahan, pembunuhan, ketidakstabilan dan keadaan kacau bilau dilihat sebagai faktor negatif dan tidak melambangkan sifat seorang yang waras.

- i) Setelah meneliti ribuan tahun sejarah manusia didokumenkan, ia kelihatan jelas bahawa manusia akan sentiasa berusaha ke arah kebaikan dan peningkatan kualiti kehidupan membina kapal-kapal untuk belayar bagi meneroka tanah baru dan memperolehi harta benda serta kekayaan. Mereka mencipta peralatan mekanikal berteknologi maju dan canggih seperti kompas, telefon, komputer dan jentera untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan sentiasa berikhtiar untuk mencapai ke tahap yang lebih tinggi. Segala usaha manusia seolah-olah mencadangkan bahawa apabila diberi pilihan, mereka sentiasa akan bekerja ke arah menjadikan kehidupan lebih senang.
- ii) Kemiskinan biasanya disebabkan oleh keadaan hidup dan jarang sekali menjadi pilihan. Umumnya rakyat tidak memilih untuk menjadi miskin tetapi berada dalam keadaan yang disebabkan oleh keadaan di luar kawalan mereka. Apabila diberi peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka dan memperolehi kekayaan, mereka jarang sekali akan memilih untuk kembali ke keadaan yang miskin dan kurang bernasib baik. Ini membuktikan bahawa umat manusia secara umumnya akan mengelak daripada kesusahan dan akan mengumpul kekayaan daripada berada di dalam kemiskinan apabila diberi pilihan. Pada situasi yang ideal, individu yang berusaha ke arah kekayaan,

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

keselesaian dan kebahagiaan tanpa menjejaskan atau menyalahgunakan hak dan kepunyaan orang lain

- iii) Oleh itu, adalah selamat untuk mengatakan bahawa integriti akan sentiasa diuji terutamanya apabila kita perlu membuat keputusan mengenai apa yang adil, saksama dan betul.

1.2 Definisi Intergriti

- i) Kamus *Oxford Advanced Learner* mentakrifkan "integriti" sebagai "kualiti untuk menjadi jujur dengan prinsip-prinsip moral yang kuat ". Seseorang boleh memiliki integriti peribadi, profesional atau seni
- ii) Kamus *Macmillan* mentakrifkan "integriti" sebagai "kualiti yang sentiasa berketetapan mengikut prinsip-prinsip moral yang anda percayai, supaya orang akan menghormati dan mempercayai anda" dan "kualiti berketetapan menurut peraturan dan standard kerja atau profesion anda" Daripada pentakrifan di atas, kita boleh merumuskan bahawa integriti menandakan kualiti kebaikan, kebenaran, kebaikan dan tingkah laku moral yang baik dan betul . Ia juga bermakna kepatuhan, kerjasama, tidak berganjak dan pematuhan.

1.3 Definisi Kejujuran

- i) Kamus *Oxford Advanced Learner,s* mentakrifkan "kejujuran" sebagai "sentiasa bercakap benar, tidak pernah mencuri atau menipu".
- ii) Kamus *Macmillan* mentakrifkan "kejujuran" sebagai "seseorang yang tidak berbohong atau menipu dan mematuhi undang-undang".

1.4 Integriti di Tempat Kerja

- i) Integriti di tempat kerja adalah penting untuk persekitaran kerja yang sihat. Ia tidak kira kedudukan atau jawatan seseorang sama ada ketua Pegawai eksekutif atau Tukang cuci atau kakitangan yang berjawatan paling rendah, integriti di tempat kerja bermula dengan kejujuran, kewibawaan, amanah dan kesopanan Dengan menjaga tutur-kata dan

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

mempunyai etika serta bertanggungjawab dalam tindakan akan melahirkan rasa hormat dan profesionalisme.

ii) Bekerja tepat pada waktunya

Bekerja bersungguh-sungguh ketika berada di tempat kerja adalah satu contoh jelas integriti di tempat kerja. Kesibukan, melayari Internet, membuat panggilan telefon peribadi, menghantar mesej dan kerap keluar makan adalah aktiviti-aktiviti yang mengurangkan masa bekerja. Dengan menyimpan aktiviti-aktiviti tadi untuk dilakukan pada masa rehat akan menunjukkan kepada ketua, rakan sekerja dan pelanggan bahawa seseorang itu bekerja bersungguh-sungguh apabila berada pada waktu kerja. Waktu bekerja mesti dihormati dengan tidak mencuri masa daripada majikan anda. Malah jika anda tidak merakam waktu masuk dan keluar pada kad perakam waktu, tetapi memberi tumpuan kepada kerja yang dipertanggungjawabkan, keberadaan di meja kerja atau stesen kerja, atau kawasan kerja pengeluaran, akan mempamerkan tabiat kerja anda yang bersungguh-sungguh.

iii) Mematuhi polisi syarikat

Mematuhi dasar syarikat adalah cara yang berkesan untuk mempamirkan integriti. Mengurangkan prosidur dan mengabaikan peraturan-peraturan di tempat kerja boleh membawa kepada kesilapan, permasalahan dan situasi berbahaya. Kesanggupan anda merekodkan transaksi kewangan dengan tepat, mengasingkan bahan-bahan berbahaya atau toksik dengan cara selamat, mematuhi protokol syarikat untuk berurusan dengan pelanggan, melakukan pembersihan atau merangka prosedur dan menyelenggara peralatan dengan sempurna akan menunjukkan kepada orang lain bahawa anda tidak mudah mencari jalan keluar. Dengan Mempamirkan diri anda sebagai seorang pekerja yang boleh dipercayai serta mematuhi dasar-dasar syarikat akan menunjukkan kepada ketua dan rakan sekerja yang anda adalah seorang yang jujur dalam menjalankan tugas..

iv) Menghormati rakan sekerja dan membina kepercayaan

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

Dengan menghormati rakan-rakan sekerja, anda akan menzahirkan keinginan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang sihat. Berkomunikasi dengan sopan, berinteraksi dengan sempurna dan menghormati pendapat dan idea rakan sekerja, mempamirkan kebolehan anda melangkaui kepentingan peribadi bagi kelangsungan sebuah pasukan yang berpusatkan matlamat kerja. Selagi mana anda jujur dan hormat, berurusan dengan rakan sekerja, anda akan mewujudkan satu tahap kepercayaan dengan mereka. Menurut Amy Rees Anderson, penyumbang makalah majalah Forbes, orang-orang yang mempercayai anda akan menyebarkan perkataan yang dipercayai itu kepada sekutu-sekutu mereka, dan keperibadian anda akan tersebar dengan cepat sekali.

iv) Pamer kelakuan bertanggungjawab

Integriti di tempat kerja sering berpunca daripada tingkah laku moral dan etika. Perlu dipastikan tiada sebab tingkah laku anda dipersoalkan dan inilah satu cara terbaik untuk membuktikan bahawa anda adalah seorang pekerja yang jujur dan boleh diharapkan. Elakkan daripada menggunakan produk atau peralatan syarikat untuk kegunaan peribadi dan kemukakan resit-resit yang sah semasa membuat tuntutan perjalanan atau makan-minum. Jangan membuat janji yang berlebihan yang tidak dapat ditunaikan serta berusaha untuk memenuhi tarikh akhir. Bekerja secara produktif dan bekerjasama semasa mesyuarat syarikat supaya anda tidak kelihatan malas atau bersikap tidak peduli, dan jangan mengambil cuti sakit sekiranya anda tidak sakit. Dengan menunjukkan tingkah laku yang bertanggungjawab,, anda tidak memberi rakan sekerja atau pelanggan sebarang peluang untuk mempersoalkan integriti anda.

vi) Kepentingan integriti di tempat kerja

Integriti adalah asas kepada perwatakan. Seseorang yang berintegriti telah terbangun nilai-nilai teras seperti belas kasihan, kewibawaan, murah hati, jujur, baik hati, kesetiaan, kematangan, mempunyai matalamat dan kepercayaan yang akhirnya akan membawa kepada nilai dan kejayaan kepada mana-mana organisasi. Bekerja dengan orang-orang yang berintegriti mewujudkan persekitaran kerja yang positif kerana terdapat kepercayaan

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

dalam kalangan rakan sekerja dan ia akan mengelakkan rasa tidak yakin, pihak pengurusan dan syak wasangka.

2. Prinsip Kerahsiaan

2.1 Pengenalan

i) Dalam mana-mana organisasi, sentiasa terdapat banyak data atau maklumat yang diterima, direkodkan, disimpan dan diproses dalam kedua-dua format bercetak dan digital. Pengendalian maklumat dan data sulit adalah merupakan sebahagian daripada tingkah laku beretika yang merupakan salah satu daripada prinsip-prinsip dalam integriti.

2.2 Definisi Kerahsiaan

i) Kamus *Oxford Advanced Learner,s* mentakrifkan kerahsiaan maklumat atau data yang disimpan adalah rahsia atau bersifat peribadi dan tidak boleh diberitahu atau dikongsi dengan orang lain.

2.3 Katagori Maklumat Sulit

i) Maklumat Kerahsian di tempat kerja boleh dipecahkan kepada tiga (3) kategori utama:

a.Maklumat kakitangan

Sesetengah organisasi mempunyai peraturan untuk mengawal kerahsiaan dan pelupusan maklumat pengenalan peribadi '.Maklumat kakitangan termasuk maklumat seperti nombor keselamatan sosial, alamat rumah, maklumat kenalan, maklumat peribadi, sejarah pekerjaan, sejarah perubatan, nama keluarga, dan lain-lain

b.Maklumat pengurusan

Mmaklumat Sulit pengurusan meliputi hubungan pekerja, tindakan disiplin, penyiasaan salah laku, gaji, saraan, upah, tuntutan kerja lebih masa, yang akan berlaku pemberhentian kerja, dan lain-lain Pendedahan maklumat pengurusan kepada pihak yang tidak dibenarkan adalah tidak beretika, tidak produktif dan mencipta kerosakan keadaan yang tidak harmoni di tempat kerja.

c. Maklumat perniagaan

Maklumat perniagaan yang rahsia kadang-kadang dikenali sebagai maklumat ampunya atau rahsia perniagaan yang merujuk kepada maklumat yang tidak diketahui umum dan orang ramai dan biasanya tidak boleh didapati oleh pesaing kecuali secara salah atau tidak wajar. Contoh rahsia perniagaan termasuklah proses pembuatan dan kaedah, pelan perniagaan, data kewangan, ramalan dan belanjawan, program komputer, senarai pelanggan, formula bahan atau resipi, senarai pembekal, dan lain-lain

2.4 Kepentingan Kerahsiaan Di Tempat Kerja

- i) Kegagalan untuk menjaga dan melindungi maklumat sulit perniagaan boleh membawa kepada kehilangan perniagaan dan pelanggan.
- ii) Maklumat sulit boleh disalahgunakan untuk melakukan aktiviti haram yang boleh menjejaskan semua pihak contohnya, kecurangan, penipuan, pemalsuan.
- iii) Pendedahan maklumat pekerja dan maklumat pengurusan boleh membawa kepada kehilangan kepercayaan pekerja, keyakinan dan kesetiaan, seterusnya mengakibatkan kehilangan produktiviti.

3. Kerahsiaan Tempat Kerja

3.1 Kaedah-kaedah oleh majikan untuk memastikan kerahsiaan di tempat kerja

- i) Melaksanakan dasar-dasar dan prosedur kerahsiaan.
- ii) Latihan kepada pihak pengurusan dan pekerja mengenai isu-isu kerahsiaan, polisi dan prosedur.
- iii) Penguatkuasaan dasar, prosedur dan latihan termasuk mengenakan tindakan disiplin.
- iv) Perjanjian tidak mendedahkan yang ditandatangani oleh pekerja untuk melindungi maklumat perniagaan.

3.2 Kaedah oleh pekerja untuk mengamalkan kerahsiaan di tempat kerja

- i) Pastikan anda telah menjalani latihan mengenai dasar-dasar polisi dan prosedur syarikat.
- ii) Memastikan anda memahami latihan.
- iii) Sila rujuk kepada polisi dan prosedur secara berkala.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

iv) Mematuhi dasar dan prosedur.

v) Cadangkan penambahbaikan berterusan atau menawarkan maklum balas yang membina kepada pihak pengurusan mengenai dasar dan prosedur.

4. Garis Panduan Etika

4.1 Pengenalan

- i) Etika merujuk kepada sistem luar peraturan dan undang-undang. Ada ganjaran apabila garis panduan etika diikuti dan dipatuhi dan hukuman apabila melanggar peraturan Sebagai contoh garis panduan etika adalah yang disediakan oleh badan-badan profesional untuk peguam dan doktor yang memantau pematuhan dan menjatuhkan hukuman yang sesuai atau tindakan disiplin apabila garis panduan tidak dipatuhi.
- ii) Organisasi sering mempunyai kod etika yang harus dipatuhi oleh pekerja mereka.

4.2 Cara Menggunakan Kod Etika

- i) Memahami Kod Etika.
- ii) Merujuk kepada Kod Etika secara berkala.
- iii) Mematuhi Kod Etika.
- iv) Cadangkan penambahbaikan yang berterusan atau maklum balas yang membina.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(1/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 10
---------------------------	--------------------------------	---

SOALAN/QUESTIONS:

1. Takrifkan integriti?

.....

.....

2. Berikan empat (4) contoh integriti di tempat kerja.

.....

.....

3. Berikan tiga (3) sebab mengapa kerahsiaan di tempat kerja adalah penting.

.....

.....

RUJUKAN/REFERENCE :

1. Stephen R. C (2013). "The 7 Habits of Highly Effective People: Powerful Lessons in Personal Change". Simon & Schuster, ISBN-13: 978-1451639612.
2. Watson D.; Tharp R., (2013). "Self-Directed Behaviour: Self-Modification for Personal Adjustment" Wadsworth Cengage Learning, John David Hague, ISBN13:978-1-285-07709-3.
3. Oxford Advanced Learner's Dictionary www.oxforddictionaries.com
4. Macmillan English Dictionaries www.macmillandictionary.com
5. Jules Halpern Associates LLC www.halpernadvisors.com
6. Calibrate Coaching www.calibrate.com
7. Global Post www.globalpost.com



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS TUGASAN (ASSIGNMENT SHEET)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1: 2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	02.01 PAMERKAN KEJUJURAN DAN INTEGRITI 02.02 AMALKAN KETEPATAN MASA 02.03 PAMERKAN KERJA BERPASUKAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : 11 Drpd / Of : 7

TAJUK/TITLE : KEJUJURAN DAN INTEGRITI

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Tugas ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan pemahaman **pelatih mengenai** konsep kejujuran dan integriti, amalan piawaian dan garis panduan etika, prinsip kerahsiaan, interaksi yang baik antara rakan dan pegawai atasan dan amalan Standard.

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : Drpd/of : 7
----------------------------	--------------------------------	--

ARAHAN/INSTRUCTION:

Pelatih hendaklah menjawab semua soalan dan dibenarkan merujuk Kertas Penerangan Z-009-1:2015-M02/P(1/3)

SOALAN/QUESTION:

1. Apa yang dimaksudkan dengan integriti?

- A. Mesti mengikut aturan dan peraturan.
- B. Untuk mengintegrasikan disiplin dan tanggungjawab.
- C. Bekerja keras dan sentiasa mencari peluang pekerjaan.
- D. Kualiti kejujuran dengan prinsip-prinsip moral yang kukuh.

(1 Markah)

2. Integriti menandakan semua yang di bawah, kecuali.....

- A. Kebaikan.
- B. Kelakuan.
- C. Berterus terang.
- D. Moral yang baik.

(1 Markah)

3. Apa yang dimaksudkan dengan kejujuran?

- A. Jangan bercakap tentang orang lain.
- B. Cekap dan disiplin.
- C. Sentiasa mencuri dan menipu.
- D. Sentiasa bercakap benar, tidak pernah mencuri atau menipu.

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : Drpd/of : 7
----------------------------	--------------------------------	--

4. Untuk siapakah integriti di tempat kerja?

- A. Pembersih.
- B. Pengawal keselamatan.
- C. Ketua Pegawai Eksekutif.
- D. Semua peringkat dalam organisasi.

(1 Markah)

5. Antara berikut, yang mana bukan contoh integriti di tempat kerja?

- A. Kerja berpasukan.
- B. Mematuhi dasar syarikat.
- C. Bekerja mengikut masa.
- D. Menghormati rakan sekerja dan membina kepercayaan.

(1 Markah)

6. Integriti di tempat kerja akhirnya membawa _____ dan _____ kepada mana-mana organisasi.

- A. Sedih, seram.
- B. Air mata, penyakit.
- C. Nilai, kejayaan.
- D. Keseronokan, kebahagiaan.

(1 Markah)

7. Apa yang dimaksudkan dengan kerahsiaan?

- A. Berkongsi maklumat dengan orang lain.
- B. Data yang hendak dirahsiakan.
- C. Bekerja dengan komitmen yang tinggi.
- D. Bekerja dengan tahap keyakinan yang tinggi.

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : Drpd/of : 7
----------------------------	--------------------------------	--

8. Senarai berikut adalah kategori utama maklumat sulit di tempat kerja, kecuali ...

- A. Maklumat diri.
- B. Maklumat perniagaan.
- C. Maklumat pekerja.
- D. Maklumat pengurusan.

(1 Markah)

9. Apakah maklumat yang tidak perlu dikongsi dengan rakan sekerja di tempat kerja?

- A. Bola sepak Piala Dunia.
- B. Cuaca negara.
- C. Status kewangan syarikat.
- D. Keputusan peperiksaan anak-anak.

(1 markah)

10. Apabila anda gagal untuk mendapatkan maklumat perniagaan anda, hal ini boleh membawa kepada _____.

- A. Kehilangan perniagaan dan pelanggan.
- B. Mendapatkan perniagaan dan pelanggan baharu.
- C. Mengekalkan perniagaan dan pelanggan.
- D. Pekerja akan menerima kenaikan gaji.

(1 Markah)

11. Apakah kepentingan mempunyai kerahsiaan di tempat kerja?

- A. Syarikat mesti mempunyai rahsia.
- B. Pekerja akan mempunyai rasa bangga sewaktu bekerja.
- C. Untuk mempunyai pengubahsuaian tempat kerja yang lebih baik.
- D. Maklumat sulit boleh disalahgunakan untuk melakukan aktiviti haram.

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : Drpd/of : 7
----------------------------	--------------------------------	--

12. Apakah manfaat mempunyai kerahsiaan di tempat kerja?

- A. Mengekalkan pekerja dan pelanggan.
- B. Menyempurnakan semua perkara dalam perniagaan.
- C. Mendapat kepercayaan pekerja, keyakinan dan kesetiaan.
- D. Kedudukan masa depan yang lebih baik dalam sesebuah organisasi.

(1 Markah)

13. Pilih mana-mana dua kaedah oleh majikan untuk memastikan kerahsiaan di tempat kerja?

- I. Latihan spesifikasi kerja.
- II. Menguatkuasakan kesihatan, keselamatan dan dasar alam sekitar.
- III. Perjanjian Bukan Pendedahan ditandatangani oleh pekerja.
- IV. Melaksanakan dasar dan prosedur kerahsiaan.

- A. I and II
- B. II and III
- C. II and IV
- D. III and IV

(1 Markah)

14. Bagaimanakah cara untuk menggunakan Kod Etika?

- I. Mematuhi Kod Etika.
- II. Memahami Kod Etika.
- III. Merujuk Kod Etika secara tetap.
- IV. Mencadangkan perubahan Kod Etika dalam organisasi.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : Drpd/of : 7
----------------------------	--------------------------------	--

15. Etika merujuk sistem luar peraturan dan _____.

- A. Undang-undang.
- B. Manusia.
- C. Maklumat.
- D. Organisasi.

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(1/3)	Muka surat / Page : Drpd/of : 7
----------------------------	--------------------------------	--

SKEMA JAWAPAN

1. D
2. B
3. D
4. D
5. A
6. C
7. B
8. A
9. C
- 10.A
- 11.D
- 12.C
- 13.D
- 14.A
- 15.A



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN (*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1: 2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	02.01 PAMERKAN KEJUJURAN DAN INTEGRITI 02.02 AMALKAN KETEPATAN MASA 02.03 PAMERKAN KERJA BERPASUKAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : 18 Drpd / of : 8

TAJUK/TITLE : KETEPATAN MASA

TUJUAN/PURPOSE :

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai sistem kehadiran kakitangan, prosedur kehadiran kerja, prosedur penjagaan masa yang baik dan ketepatan masa menjalankan kerja.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 8
---------------------------	--------------------------------	--

PENERANGAN/INFORMATION :

1. Disiplin Diri

1.1 Pengenalan

Disiplin diri adalah salah satu kemahiran yang paling penting dan berguna untuk mencapai ketepatan masa kerja yang semua orang patut miliki. Kemahiran ini adalah penting dalam setiap bidang kehidupan yang memberikan anda kuasa untuk berpegang kepada keputusan anda dan mengikutinya, tanpa mengubah fikiran anda maka, ia menjadi salah satu keperluan penting bagi mencapai matlamat. Pemilikan kemahiran ini membolehkan anda untuk tabah dengan keputusan dan perancangan anda sehingga anda mencapainya dalam tempoh masa tertentu .Ia juga menjelma sebagai kekuatan dalaman, membantu anda untuk mengatasi ketagihan, berlengah-lengah dan kemalasan, dan untuk mengikuti dengan apa sahaja yang anda lakukan.

1.2 Definasi

Disiplin diri juga dikenali sebagai tingkah laku kuasa pendorong yang mempunyai keupayaan untuk menyudahkan tugas yang sukar atau tidak menyenangkan sehingga selesai tepat pada masanya .Orang yang mempunyai disiplin diri yang tinggi dapat mengatasi keengganan untuk memulakan tugas dan kekal di landasan yang betul walaupun menghadapi halangan. Mereka yang rendah disiplin diri suka berlengah-lengah dan menunjukkan susulan yang lemah, sering gagal untuk menyelesaikan tugas-tugas dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan walau pun mereka mempunyai keinginan tinggi untuk menyiapkannya.

1.3 Disiplin Diri di Tempat Kerja

i) Kejayaan pertama dan hasil yang paling penting tentang disiplin ditempat kerja adalah ia dapat membendung masalah kelakuan terutama ketepatan masa. Kepentingan daripada hasil ini adalah berkait terus dengan keseriusan kesalahan tersebut. Seorang pekerja yang menyebarkan gosip pejabat mungkin lebih merbahaya daripada ancaman, tetapi seorang pekerja yang menyebabkan gangguan di tempat kerja yang serius, seperti mengancam pekerja lain atau membawa senjata ke pejabat, perlu ditangani dengan segera. Mengabaikan

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 8
---------------------------	--------------------------------	--

seseorang pekerja yang mempamerkan tingkah laku tidak menentu atau berbahaya boleh menyebabkan tragedi; Mengabaikan orang yang menyemai perpecahan akan menurunkan moral pekerja dan boleh mengurangkan produktiviti di masa akan datang.

ii) Dengan sentiasa mematuhi disiplin tempat kerja, ia akan mengukuhkan peraturan yang telah anda jalin untuk diikuti secara konsisten dan menggalakkan semangat pekerja lain. Apabila peraturan tempat kerja jelas, boleh diaplikasikan kepada semua orang dan apabila dikuatkuasakan secara konsisten, pekerja akan tahu kedudukan mereka dan bagaimana mereka patut menjaga kelakuan untuk mematuhi. Mereka lebih cenderung untuk menghormati peraturan tempat kerja apabila mereka mengetahui peraturan tersebut akan dikuatkuasakan, sekali gus mengurangkan kemungkinan bahawa tindakan disiplin diperlukan pada masa akan datang.

2 Tugas dan Tanggung jawab

2.1 Bagi memastikan mengurus kakitangan anda dengan berkesan, adalah penting anda menyediakan definisi yang jelas dan memahami peranan, fungsi, tanggungjawab mereka serta jadual di tempat kerja. Ini akan memberikan mereka pemahaman yang baik mengenai kerja dan tugas-tugas yang mereka mesti laksanakan sebagai seorang individu dan dalam mana-mana pasukan/kumpulan yang mereka sertap..Ia juga menyediakan maklumat mengenai kedudukan yang sesuai dalam organisasi dan kepada siapa dia mesti melapurkan diri, ini dapat membantu untuk mengelakkan pertikaian dan salah faham tentang kuasa.

2.2 Apabila menetapkan peranan dan tanggungjawab di tempat kerja, anda mungkin perlu membuat senarai semua kakitangan dan senaraikan semua tugas dan peranan dalam perniagaan anda. .Anda kemudiannya boleh menetapkan peranan kepada setiap anggota kakitangan atau kumpulan kakitangan.Ia adalah penting untuk kekalkan fleksibel dan kesediaan bagi mengubah suai rancangan anda dan berunding dengan pekerja anda.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 8
---------------------------	--------------------------------	--

2.3. Sebaik sahaja anda telah menentukan peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan, anda boleh merekodkan senarai tugas kakitangan.. Ianya boleh dilakukan secara formal atau tidak formal mengikut pilihan anda, tetapi ia adalah penting untuk merekodkan maklumat utama. Deskripsi tugas, menyediakan peluang yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab setiap individu dan juga bertindak sebagai satu cara untuk mengukur prestasi dengan menetapkan Sistem Pengurusan Prestasi terhadap tugas-tugas atau keperluan.

3. Garis panduan kehadiran kerja

3.1 Kepentingan ketepatan masa di tempat kerja sering diabaikan. Ketepatan masa mencerminkan imej anda sebagai seorang pekerja, dan ia tidak keterlaluan bahawa ia adalah satu kemahiran kerja yang penting yang akan memberi sumbangan besar kepada kejayaan anda. Walaupun ketepatan masa dalam hari-hari di luar tugas harian, ia akan memberi kesan ke atas imej anda.

3.2 Berikut adalah empat sebab utama ketepatan masa menjadi penting;

i) Berada tepat pada waktunya untuk mesyuarat, acara, kelas, walau pun di majlis keramaian, ia menunjukkan bahawa anda menghormati orang yang menyediakan acara dan juga orang yang menghadiri acara tersebut. Sesetengah orang sentiasa tiba sepuluh minit lewat atau lebih untuk segala-galanya. Mereka hanya seolah-olah mempunyai jam dalaman yang ketinggalan masa. Biasanya apabila mereka tiba, mereka mengumumkan permohonan maaf dengan cara memberitahu semua orang bagaimana sibunya mereka. Ini memberitahu saya yang mereka fikir pengalaman diperlukan menunjukkan orang lain bahawa kehidupan mereka dan aktiviti-aktiviti mereka adalah lebih penting daripada orang lain menghadiri perjumpaan itu. Daripada mentafsir kelewatan seseorang sebagai satu perkara yang penting, tetapi ia lebih cenderung ditafsirkan sebagai tanda tidak hormat.

ii) Ketepatan masa menunjukkan anda boleh dipercayai. Jika anda sentiasa menepati masa, biasanya orang akan menganggap bahawa mereka boleh

bergantung kepada anda. Jika anda tiba untuk bekerja tepat pada masa, siapkan tugas tepat pada masa, menepati masa untuk menghadiri mesyuarat dan majlis; ketua anda dan rakan sekerja akan memikirkan anda sebagai orang yang boleh dipercayai..

ii) Ketepatan masa memberitahu orang lain bahawa di samping mengetahui kepentingan mesyuarat atau tugas, anda juga tahu betapa pentingnya tanggungjawab anda dalam pasukan. Jika anda sentiasa menunggu sehingga saat-saat akhir untuk memulakan projek atau jika anda selalu lewat hadir mesyuarat, kesebukan anda memberitahu ketua anda bahawa anda tidak memahami kepentingan kerja dan anda tidak memahami peranan anda dalam pasukan kerja. Pada penyelia, semua perkara adalah sama, majikan akan lebih suka memberi tanggungjawab tambahan kepada mereka yang tidak membuat kesangsian kepada majikan sama ada mereka akan menyelesaikan tepat pada masa dan orang-orang yang tidak melakukan, mereka merasa seolah-olah mereka membuang sesuatu bersama-sama mereka pada minit-minit terakhir.

Ketepatan masa anda secara konsisten dapat menambah nilai kepada acara atau tugas. Ketepatan masa memberitahu bukan sahaja kepada ketua anda tetapi kepada semua peserta bahawa anda menghargai semua acara atau tugas. Ini menambah kepada persepsi mereka bahawa ia adalah penting. Kelebihan menunjukkan tanda hormat dan pemahaman tentang kepentingan mesyuarat, peristiwa atau tugas yang anda jadualkan; ia adalah bernilai dengan meletakkan usaha kearah menambah ketepatan masa dan menjadi sebagai salah satu daripada sifat-sifat anda.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 8
---------------------------	--------------------------------	--

4. Kepatuhan Menyiapkan Kerja

- 4.1 Ketepatan menyiapkan kerja melibatkan pengurusan masa. .Pengurusan masa adalah tindakan atau proses perancangan dan melaksanakan kawalan sedar ke atas jumlah masa digunakan untuk aktiviti-aktiviti tertentu, terutama untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan atau productiviti. Ia adalah aktiviti meta dengan matlamat untuk memaksimumkan manfaat keseluruhan lain–lain aktiviti dalam keadaan jumlah masa yang terhad.
- 4.2 Menyiapkan kerja mengikut ketepatan masa boleh dibantu dengan pelbagai kemahiran seperti alat, dan teknik yang digunakan untuk menguruskan masa apabila melakukan tugas-tugas tertentu, projek, dan matlamat mematuhi tarikh akhir.Pada mulanya, pengurusan masa disebut aktiviti perniagaan atau hanya aktiviti kerja, tetapi akhirnya istilah diperluaskan untuk merangkumi kemahiran peribadi. Satu sistem pengurusan masa adalah gabungan yang direka dan mengandungi beberapa proses, peralatan, teknik, dan kaedah. Pengurusan masa adalah biasanya satu keperluan dalam mana-mana projek pembangunan kerana ia menentukan masa penyiapan projek dan skop.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 8
---------------------------	--------------------------------	--

SOALAN / QUESTIONS:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan disiplin diri?

.....

2. Terangkan hubungan antara disiplin diri, dan prestasi tugas dan tanggungjawab.

.....

.....

3. Huraikan kepentingan kakitangan untuk menepati masa dalam menyiapkan sesuatu kerja

.....

.....

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(2/3)	Muka Surat / Page : Drpd / of : 8
---------------------------	--------------------------------	--

RUJUKAN/REFERENCE :

1. Stephen R. C.,(2013). “The 7 Habits of Highly Effective People: Powerful Lessons in Personal Change” Simon & Schuster,ISBN-13: 978-1451639612.
2. Watson D.; Tharp R., (2013). “Self-Directed Behaviour: Self-Modification for Personal Adjustment” Wadsworth Cengage Learning, John David Hague, ISBN13:978-1-285-07709-3.
3. Oxford Advanced Learner’s Dictionary www.oxforddictionaries.com
4. Macmillan English Dictionaries www.macmillandictionary.com
5. Jules Halpern Associates LLC www.halpernadvisors.com
6. Calibrate Coaching www.calibrate.com
7. Global Post www.globalpost.com



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS TUGASAN (ASSIGNMENT SHEET)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1: 2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	02.01 PAMERKAN KEJUJURAN DAN INTEGRITI 02.02 AMALKAN KETEPATAN MASA 02.03 PAMERKAN KERJA BERPASUKAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M02/T(2/3)	Muka surat / Page : 26 Drpd / Of : 6

TAJUK/TITLE : KETEPATAN MASA

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Tugas ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan pemahaman **pelatih mengenai** sistem kehadiran kakitangan, prosedur kehadiran kerja, prosedur penjagaan masa yang baik dan ketepatan masa menjalankan kerja.

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(2/3)	Muka surat / Page : 27 Drpd/of : 6
----------------------------	--------------------------------	---

ARAHAN/INSTRUCTION:

Pelatih hendaklah menjawab semua soalan dan dibenarkan merujuk Kertas Penerangan Z-009-1:2015-M02/P(2/3)

SOALAN/QUESTION:

1. Apakah erti disiplin diri?

- A. Keupayaan untuk bertindak sebagai pengantara.
- B. Keupayaan untuk berterusan pada tugas sukar sehingga selesai.
- C. Keupayaan untuk menyelesaikan isu-isu budaya dalam organisasi dengan sebaiknya.
- D. Keupayaan untuk mengendalikan isu-isu perniagaan yang melibatkan kumpulan antarabangsa.

(1 Markah)

2. Apakah hasil yang paling penting pada disiplin kerja?

- A. Ketepatan masa kerja.
- B. Peningkatan kualiti produk.
- C. Cepat menghantar produk dan perkhidmatan.
- D. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan pada masa hadapan.

(1 Markah)

3. Apakah hasilnya apabila tempat kerja mengamalkan ketepatan disiplin yang konsisten dan adil?

- A. Kos pengeluaran yang murah.
- B. Lebih cepat penghantaran barang pembuatan.
- C. Meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan tenaga kerja.
- D. Meningkatkan peraturan tempat kerja dan perilaku serta semangat pekerja.

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(2/3)	Muka surat / Page : 28 Drpd/of : 6
----------------------------	--------------------------------	---

4. Apakah faedah apabila peraturan tempat kerja secara konsisten dikuatkuasakan kepada semua orang?

- A. Ia meningkatkan tingkah laku pekerja.
- B. Ia meningkatkan kefahaman majikan.
- C. Ia memperbaiki kelakuan budaya kerja dalam kalangan kakitangan.
- D. Ia meningkatkan prestasi kewangan dan teknikal syarikat.

(1 Markah)

5. Bagaimana membangunkan tenaga kerja yang cekap?

- A. Menyediakan latihan motivasi.
- B. Memberikan bimbingan tentang tanggungjawab kerja.
- C. Menyediakan latihan untuk meningkatkan hasil kerja.
- D. Memberikan definisi yang jelas dan pemahaman peranan kakitangan, fungsi, tanggungjawab dan jadual di tempat kerja.

(1 Markah)

6. Bagaimana untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab kakitangan di tempat kerja?

- A. Senarai kakitangan dan nama jawatan mereka.
- B. Senarai kakitangan, jawatan dan gaji.
- C. Senarai kakitangan, tugas dan peranan dalam perniagaan.
- D. Senarai kakitangan, kemampuan, jawatan, gaji dan umur.

(1 Markah)

7. Ketepatan masa kerja boleh dicapai dengan salah satu inisiatif berikut:

- A. Penerangan tugas yang jelas.
- B. Promosi produk yang betul.
- C. Pengiklanan digital yang luas.
- D. Kerjasama yang erat antara pekerja

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(2/3)	Muka surat / Page : 29 Drpd/of : 6
----------------------------	--------------------------------	---

8. Apakah kelebihan apabila deskripsi tugas jelas tentang peranan dan tanggungjawab individu?
- A. Penghantaran kerja yang cepat.
 - B. Kualiti dan kuantiti produk lebih baik.
 - C. Keuntungan lebih tinggi yang dijana daripada penembusan pasaran yang lebih luas.
 - D. Penilaian KPI (petunjuk prestasi utama) menentang tugas.

(1 Markah)

9. Apakah faedah daripada tabiat ketepatan masa pekerja?
- A. Keuntungan syarikat tinggi.
 - B. Imej baik sebagai pekerja.
 - C. Penembusan pasaran dan imej produk baik.
 - D. Perhubungan awam lebih baik antara syarikat dengan komuniti.

(1 Mark)

10. Apakah ciri-ciri menepati masa untuk mesyuarat atau acara?
- A. Menunjukkan sikap tidak hormat kepada ketua.
 - B. Menunjukkan sikap hormat kepada orang lain.
 - C. Menunjukkan sikap memahami orang lain.
 - D. Menunjukkan sikap salah faham kepada orang lain.

(1 Markah)

11. Ketepatan masa menunjukkan anda boleh diharapkan. Adakah ini benar?
- A. Tidak, ianya hanya sikap.
 - B. Ya, orang akan suka anda.
 - C. Tidak, tanggungjawab itu lebih wajar.
 - D. Ya, orang akan secara semula jadi menganggap bahawa mereka boleh bergantung kepada anda.

(1 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(2/3)	Muka surat / Page : 30 Drpd/of : 6
----------------------------	--------------------------------	---

12. Ini ialah contoh ketepatan masa, kecuali ...
- A. Tidur pada masa yang ditetapkan.
 - B. Tiba di tempat kerja tepat pada masanya.
 - C. Menepati masa mesyuarat.
 - D. Serahkan tugas anda tepat pada masanya.

(1 Markah)

13. Jelaskan dengan terperinci semua unsur penting yang diperlukan untuk mencapai ketepatan masa dalam penyempurnaan kerja.

.....

.....

.....

.....

(10 Markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M02/T(2/3)	Muka surat / Page : 31 Drpd/of : 6
----------------------------	--------------------------------	---

SKEMA JAWAPAN

1. B
2. A
3. D
4. A
5. D
6. C
7. A
8. D
9. B
10. B
11. D
12. A
13. –Disiplin diri
 - Menghormati
 - Maruah
 - Menetapi masa



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN (*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1: 2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA02 KEMAHIRAN TINGKAH LAKU PERSONAL	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	02.01 PAMERKAN KEJUJURAN DAN INTEGRITI 02.02 AMALKAN KETEPATAN MASA 02.03 PAMERKAN KERJA BERPASUKAN	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M02/P(3/3)	Muka Surat / Page : 32 Drpd / of : 11

TAJUK/TITLE : KERJA BERPASUKAN

TUJUAN/PURPOSE :

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai peranan yang berbeza dalam satu pasukan, maklumat berkaitan bersama ahli pasukan, masalah asas penyelesaian berkaitan dan pelbagai budaya dalam pasukan.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(3/3)	Muka surat / Page : Drpd / of : 11
---------------------------	--------------------------------	---

PENERANGAN/INFORMATION :

1 Pasukan di Tempat Kerja

Pasukan kerja adalah kumpulan-kumpulan formal terdiri daripada individu yang saling bergantung dan bertanggungjawab untuk mencapai matlamat. Semua pasukan kerja adalah satu kumpulan tetapi hanya kumpulan formal boleh menjadi pasukan kerja.

1.1 Pasukan boleh berbeza dari segi tujuan atau matlamat. Tempoh satu pasukan boleh sama ada kekal atau sementara.

- i. Pasukan Jabatan mengikut fungsi dan lain-lain yang menjadi sebahagian daripada struktur formal organisasi adalah jenis pasukan kekal.
- ii. Pasukan sementara termasuk pasukan petugas, pasukan projek, pasukan penyelesaian masalah dan mana-mana jenis pasukan jangka pendek yang dibentuk untuk membangun, menganalisis, atau mengkaji perniagaan atau isu yang berkaitan dengan kerja.

1.2 Ahli dalam pasukan boleh sama ada daripada bidang tugas yang sama atau bercampuran.

- i. Pasukan sama fungsi terdiri daripada seorang pengurus dan orang bawahan beliau daripada satu bidang tugas yang sama. Pasukan sama fungsi sering terlibat dalam usaha meningkatkan aktiviti kerja atau menyelesaikan masalah-masalah tertentu dalam kawasan bidang tugas itu sahaja. Dalam pasukan ini, isu-isu seperti kuasa, membuat keputusan, kepimpinan dan interaksi adalah agak mudah dan jelas.
- ii. Pasukan campuran atau bersilang fungsi mempunyai ahli daripada pelbagai bidang tugas dengan pelbagai bidang kepakaran dan dari peringkat organisasi yang berbeza. Pasukan ini selalunya ditubuhkan untuk

menangani isu-isu yang memberi kesan kepada keseluruhan organisasi. Sebagai contoh, satu pasukan campuran atau bersilang fungsi ditubuhkan melibatkan pekerja daripada bahagian pengeluaran, pemasaran, akaun, penyelidikan dan pembangunan, pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan lain-lain. Pasukan ini dipimpin oleh seorang fasilitator terdiri daripada seorang pengurus, dengan pemimpin-pemimpin yang dilantik untuk kumpulan kerja yang berbeza dalam pasukan. Keputusan lebih kepada berasaskan persetujuan bersama.

1.3 Pasukan boleh sama ada diselia atau diurus sendiri.

- i. Pasukan selia akan berada di bawah arahan seorang pengurus yang bertanggungjawab untuk membimbing pasukan dalam menetapkan matlamat, melaksanakan aktiviti-aktiviti kerja yang perlu dan menilai prestasi.
- ii. Pasukan sendiri atau diurus sendiri semakin biasa digunakan dalam syarikat. Pasukan ini adalah pasukan formal pekerja yang beroperasi tanpa pengurus untuk melaksanakan proses kerja, atau segmen penyampaian produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dalaman atau luaran. Pasukan yang diurus sendiri ini bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dan membuat pengurusan sendiri.

2. Konsep Kerja Berpasukan

Pasukan yang baik membolehkan setiap ahli bertindak lebih daripada sebagai individu. Ini kerana Semangat Berkumpulan bermakna setiap ahli memerlukan satu sama lain, saling sokong menyokong, mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai wawasan dan memperoleh semangat yang tinggi.

NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015–M02/P(3/3)	Muka surat / Page : Drpd / of : 11
---------------------------	--------------------------------	---

	• Biologi • Ergonomik 2.4 Alat perlindungan diri (PPE) am. • Topi • Pelindung mata • Sarung tangan • Pelindung Pernafasan • Kasut keselamatan 2.5 Papan tanda dan definasi 2.6 Kemudahan kebersihan 2.7 Kemudahan bantuan kecemasan 2.8 Arahan kerja, prosedur kerja selamat dan pelan respon kecemasan 2.9 Operasi mesin selamat	kemudahan bantuan kecemasan 2.9 Faham arahan kerja, prosedur operasi selamat dan pelan tindakan kecemasan (ERP) 2.10 Faham operasi mesin selamat			2.8 Kemudahan kebersihan dikenal pasti 2.9 Arahan kerja, prosedur operasi selamat dan plan tindakan kecemasan di fahami 2.10 Operasi mesin selamat di fahami
3. Patuh aktiviti kesedaran alam sekitar	3.1 Konsep kesedaran alam sekitar 3.2 Aktiviti kesedaran alam sekitar 3.3 Isu alam sekitar 3.4 Akta dan Peraturan alam sekitar 3.5 Papan tanda alam sekitar dan definasi	3.1 Faham konsep kesedaran alam sekitar 3.2 Faham Akta dan Peraturan Alam sekitar 3.3 Kenal pasti papan tanda alam sekitar dan definasi 3.4 Patuh akta dan peraturan alam sekitar.	<u>Pengetahuan</u> 2.5	<u>Pengetahuan</u> • Syarahan • Perbincangan berkumpulan	3.1 Konsep kesedaran alam sekitar difahami 3.2 Aktiviti alam sekitar difahami 3.3 Isu alam sekitar dinyatakan 3.4 Akta alam sekitar dan peraturan difahami 3.5 Papan tanda alam sekitar dan definasi dikenal pasti

KEBOLEHAN	PENGETAHUAN	PRESTASI	JAM LATIHAN	MOD PEMBELAJARAN	KRITERIA PENILAIAN
		3.5 Kenali papan tanda alam sekitar dan definasi			

JADUAL PEMBAHAGIAN WIM (TEORI)

Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS

M04 – KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

KEBOLEHAN	PELAN MENGAJAR	KERTAS PENERANGAN	KERTAS TUGASAN
1. Patuhi aktiviti kesedaran kesihatan	*Z-009-1:2015-M04/P(1a/2)PM Aktiviti kesedaran OSH	Z-009-1:2015-M04/P(1a/2) Aktiviti kesedaran OSH	Z-009-1:2015-M04/T(1a/2) Aktiviti kesedaran OSH
2. Patuhi aktiviti kesedaran keselamatan	*Z-009-1:2015-M04/P(1b/2)PM Aktiviti kesedaran kesihatan dan keselamatan	Z-009-1:2015-M04/P(1b/2) Aktiviti kesedaran kesihatan dan keselamatan	Z-009-1:2015-M04/T(1b/2) Aktiviti kesedaran kesihatan dan keselamatan
3. Patuhi aktiviti kesedaran alam sekitar	*Z-009-1:2015-M04/P(2/2)PM Aktiviti kesedaran alam sekitar	Z-009-1:2015-M04/P(2/2) Aktiviti kesedaran alam sekitar	Z-009-1:2015-M04/T(2/2) Aktiviti kesedaran alam sekitar

* Dibangunkan oleh Pusat Bertauliah (PB)

JADUAL PEMBAHAGIAN WIM(AMALI)
Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS
CA04- KESEDARAN KESIHATAN,KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

KEBOLEHAN	PELAN MENGAJAR	KERTAS KERJA
1. Patuhi aktiviti kesedaran kesihatan	*Z-009-1:2015-M04/P(1/1)PM Patuh kesedaran kesihatan,keselamatan dan alam sekitar	Z-009-1:2015-M04/K(1/1) Patuh kesedaran kesihatan,keselamatan dan alam sekitar
2. Patuhi aktiviti kesedaran keselamatan		
3. Patuhi aktiviti kesedaran alam sekitar		

* Dibangunkan oleh Pusat Bertauliah (PB)



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN
(*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA04 KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	4.1 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN 4.2 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESELAMATAN 4.3 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M04/P(1a/2)	Muka Surat/ Page : 1 Drpd / of : 8

TAJUK/TITLE: AKTIVITI KESEDARAN OSH

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai kepentingan penerapan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, tugas-tugas pekerja berdasarkan OSHA 1994 dan peruntukan Akta Kilang dan Jentera 1967 mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan.

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1a/2)	Muka Surat / Page : 2 Drpd/ of : 8
--------------------------	---------------------------------	---

PENERANGAN/INFORMATION:

1. Konsep Kesedaran Kesihatan dan Keselamatan

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja, majikan, dan pelanggan, semua perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu difahami dan dipatuhi. Dalam usaha meningkatkan kesedaran ini, aktiviti promosi dan publisiti perlu dijalankan. Diantara aktiviti yang boleh dijalankan adalah:

- i) Memberikan ceramah, penerangan dan latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- ii) Menganjurkan kempen dan pameran berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

2. Kepentingan Pelaksanaan OSHA

Kepesatan pembangunan ekonomi bukan sahaja membawa kepada peningkatan pendapatan dan kualiti kehidupan tetapi juga menyebabkan peningkatan kemalangan di tempat kerja. Industri telah melaksanakan banyak peraturan bagi mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Laporan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menunjukkan terdapat pengurangan dalam kemalangan pekerjaan tetapi belum mencapai tahap yang diharapkan. Oleh itu kerajaan telah memperkenalkan peruntukan perundangan untuk menangani kemalangan ditempat kerja.

2.1 Standard Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) adalah peraturan yang telah diperkenal dan dikuatkuasakan untuk mengurangkan bahaya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pelaksanaan Peraturan ini diharap dapat menyediakan perlindungan pada pekerja-pekerja terhadap bahaya kecederaan, penyakit atau kematian yang mungkin timbul dari aktiviti pekerjaan dan persekitaran ditempat kerja.

2.2 Tujuan utama Peruntukan Standard Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) adalah untuk menjaga kebajikan pekerja. Di industri, pelaksanaan Standard OSH ini kurang diberi perhatian oleh pihak pengurusan kerana kurangnya kesedaran, kefahaman dan penguatkuasaan.

3. Peruntukan Perundangan Keselamatan dan Kesihatan Ditempat Kerja

Dinegara ini, terdapat dua perundangan keselamatan dan kesihatan yang diguna pakai ditempat kerja iaitu:-

- i) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- ii) Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)



Rajah 1 – Perundangan Keselamatan dan Kesihatan

3.1 Skop akta ini meliputi orang yang bekerja dalam semua sektor pekerjaan di Malaysia sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama [subseksyen 1(2)] kecuali pekerjaan atas kapal yang dikuasai oleh Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/52], Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah [Sabah Ord. 11/60] atau Sarawak [Sarawak Ord. 2/60] atau angkatan tentera.

3.2 Jadual Pertama [Subseksyen 1(2)]

- i) Pengilangan
- ii) Pelombongan dan Penguarian
- iii) Pembinaan
- iv) Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
- v) Kemudahan : (a) Elektrik ; (b) Gas ; (c) Air, dan (d) Perkhidmatan Kebersihan
- vi) Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1a/2)	Muka Surat / Page : 4 Drpd/ of : 8
--------------------------	---------------------------------	---

- vii) Perdagangan Borong dan Runcit
- viii) Hotel dan Restoran
- ix) Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan
- x) Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun.

4. Intipati Peruntukan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Objektif Akta

- i) untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja;
- ii) melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada pekerja;
- iii) menggalakkan persekitaran yang sesuai untuk orang yang sedang bekerja;

4.1 Definasi

- i) majikan ertinya majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya ;
- ii) majikan langsung", berhubung dengan pekerja yang diambil khidmat oleh atau melaluinya, ertinya seseorang yang telah mengakujaji untuk melaksanakan, di tempat kerja di mana majikan utama menjalankan perdagangan, perniagaan, profesion, vokasion, pekerjaan atau pencarian majikan utama itu atau yang menjadi permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam atau bersampingan dengan maksud mana-mana perdagangan, perniagaan, profesion, vokasion, pekerjaan atau pencarian itu dan termasuklah seseorang yang olehnya perkhidmatan seseorang pekerja yang telah membuat kontrak perkhidmatan dengannya dipinjamkan atau disewakan sementara kepada majikan utama ;
- iii) majikan utama ertinya pemunya suatu industri atau orang yang dengannya seseorang pekerja telah membuat kontrak perkhidmatan dan termasuklah-
 - a) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada seseorang pekerja ;
 - b) penghuni sesuatu tempat kerja ;
 - c) wakil di sisi undang-undang pemunya atau penghuni yang telah meninggal dunia ; dan
 - d) mana-mana kerajaan di Malaysia, jabatan mana-mana kerajaan itu, pihak

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1a/2)	Muka Surat / Page : 5 Drpd/ of : 8
--------------------------	---------------------------------	---

berkuasa tempatan atau badan berkanun ;

- iv) orang yang bekerja sendiri ertinya seseorang individu yang bekerja untuk keuntungan atau ganjaran selain daripada di bawah kontrak pekerjaan, sama ada atau tidak dia sendiri mengambil kerja orang lain ;
- v) pekerja ertinya seseorang yang diambil kerja dengan diberi gaji di bawah kontrak perkhidmatan mengenai atau yang berkaitan dengan kerja suatu industri yang baginya Akta ini terpakai dan---
 - a) yang diambil kerja secara langsung oleh majikan utama mengenal apa-apa kerja industri itu, atau yang bersampingan dengan atau sebagai permulaan bagi atau yang berkaitan dengan kerja industri itu, sama ada kerja itu dilakukan oleh pekerja itu ditempat kerja atau di tempat lain ;
 - b) yang diambil kerja oleh atau melalui seseorang majikan langsung di tempat kerja industri itu atau di bawah pengawasan majikan utama atau ejennya mengenai kerja yang biasanya menjadi sebahagian daripada kerja industri itu, atau yang menjadi permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam atau bersampingan dengan maksud industri itu ; atau
 - c) yang perkhidmatannya dipinjamkan atau disewakan sementara kepada majikan utama oleh orang yang dengannya orang yang perkhidmatannya dipinjamkan atau disewakan itu telah memasuki suatu kontrak perkhidmatan
- vi) penghuni berhubungan dengan tempat kerja, ertinya seseorang yang menguruskan atau mengawal tempat kerja ;
- vii) premis termasuklah---
 - (a) mana-mana tanah, bangunan atau bahagian mana-mana bangunan ;
 - (b) mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara ;
 - (c) apa-apa pemasangan di atas tanah, pemasangan luar pesisir atau pemasangan lain sama ada di atas dasar atau yang terapung di atas mana-mana air ; dan
 - (d) mana-mana khemah atau struktur boleh alih ;
- viii) tempat kerja ertinya premis tempat orang-orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan.

4.3 Tugas pekerja adalah:-

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1a/2)	Muka Surat / Page : 6 Drpd/ of : 8
--------------------------	---------------------------------	---

- i) mengambil perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan dan lain-lain yang boleh sendiri terjejas oleh tindakannya;
- ii) bekerjasama dengan majikan untuk mematuhi oleh Akta dan peraturan-peraturannya;
- iii) memakai atau menggunakan peralatan perlindungan yang diadakan oleh majikan;
- iv) mematuhi arahan dimulakan oleh majikan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5. Intipati Peruntukan Akta Kilang dan Jentera 1967

Seksyen 10: Peruntukan yang berhubungan dengan keselamatan, dsb.

Tanpa menyentuh mana-mana undang-undang berkenaan dengan pihak berkuasa tempatan, berkenaan dengan mana-mana kilang, peruntukan yang berikut yang berhubungan dengan keselamatan hendaklah terpakai:

- i) asas dan lantai.
- ii) bumbung.
- iii) semua lantai, lantai kerja, platform, dek, tangga lorong, laluan, titi sambung, tangga dan anak tangga.
- iv) akses ketempat kerja.
- v) bukaan, takungan bahan buangan, lubang atau bejana yang dilekatkan pada lantai atau lantai kerja.
- vi) semua barang, benda dan bahan.

Seksyen 15: Bahagian jentera yang berbahaya

Seksyen 20: Kewajipan orang yang diambil kerja

Seksyen 22: Peruntukan yang berhubungan dengan kesihatan

Seksyen 24: Pakaian dan alat perlindungan diri

Seksyen 25: Peruntukan yang berhubungan dengan kebajikan

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1a/2)	Muka Surat / Page : 7 Drpd/ of : 8
--------------------------	---------------------------------	---

SOALAN/QUESTION:

1. Apakah kepentingan keselamatan dan kesihatan kepada pekerja?

.....

.....

2. Apakah tugas pekerja ditempat kerja mengikut Akta KKP 1994?

.....

.....

3. Nyatakan tiga (3) peruntukan keselamatan dan kesihatan yang terdapat didalam Akta Kilang dan Jentera 1967

.....

.....

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1a/2)	Muka Surat / Page : 8 Drpd/ of : 8
--------------------------	---------------------------------	---

RUJUKAN / REFERENCES:

1. Occupational Safety and Health Act 1994, (2010) Malaysia, Penerbitan Akta (M), ISBN-978-967-576-9221.
2. Chesebro T.; O'Connor L.; Rios F., (2009), Communicating in the Workplace. Prentice Hall. ISBN-13 978-0136136910.
3. Vergo P., (1974). Health and Safety at Work etc Act 1974, (Public General Acts – Elizabeth II), TSO. ISBN-13 978-0105437741
4. Health and Safety Executive, (1998), Workplace Health, Safety and Welfare: Workplace (Health, Safety and Welfare) Regulations 1992- Approved Code of Practice and Guidance (Health and Safety Commission). HSE Books. ISBN-13 978-0717604135.



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS TUGASAN *ASSIGNMENT SHEET*

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA04 KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	4.1 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN 4.2 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESELAMATAN 4.3 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M04/T(1a/2)	Muka Surat/ Page : 1 Drpd/ Of : 5

TAJUK/TITLE : AKTIVITI KESEDARAN OSH

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Tugas ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan pemahaman **pelatih mengenai** kepentingan penerapan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, tugas-tugas pekerja berdasarkan OSHA 1994 dan peruntukan Akta Kilang dan Jentera 1967 mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan.

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1a/2)	Muka Surat/ Page : 2 Drpd/of : 5
----------------------------	---------------------------------	---

ARAHAN/INSTRUCTION:

Pelatih hendaklah menjawab semua soalan dan dibenarkan merujuk Kertas Penerangan Z-009-1:2015-M04/P(1a/2)

SOALAN/QUESTION:

Untuk soalan no. jawab betul (B) atau salah (S) untuk kenyataan ini

1. Akta Kilang dan Jentera 1967 hanya melindungi keselamatan mesin, _____
tidak melindungi keselamatan pekerja

(1 markah)

2. Setiap bahagian mesin yang merbahaya perlulah dilindungi _____

(1 markah)

3. Rangka kerja perundangan yang diguna pakai untuk kemalangan tempat kerja
adalah _____

(1 markah)

4. Apakah industri yang menyumbangkan banyak kemalangan tempat kerja dinegara ini?

- A. Pembuatan / Manufacturing
- B. Pembinaan / Construction
- C. Perlombongan dan kuari / Mining and Quarrying
- D. Industri kecil dan sederhana / Small and Medium Industries

(1 markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1a/2)	Muka Surat/ Page : 3 Drpd/of : 5
----------------------------	---------------------------------	---

5. Apakah kenyataan yang salah mengenai objektif Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

- A. Untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja
- B. Untuk melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada pekerja
- C. Untuk menggalakkan persekitaran yang sesuai untuk orang yang sedang bekerja
- D. Untuk mengurangkan kes-kes keselamatan di tempat kerja

(1 markah)

6. Apakah kewajipan pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan tempat kerja?

- I. Mengambil perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan.
- II. Bekerjasama dengan majikan untuk mematuhi Akta dan peraturannya.
- III. Menggunakan peralatan perlindungan yang disediakan oleh majikan.
- IV. Mematuhi arahan majikan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

(1 markah)

7. Berikan tiga peruntukan di bawah Akta FMA 1967 yang berhubungan dengan keselamatan di tempat kerja.

(3 markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1a/2)	Muka Surat/ Page : 4 Drpd/of : 5
----------------------------	---------------------------------	---

8. Berikan peruntukan di bawah Akta FMA 1967 yang berkaitan dengan bekerja dengan bahagian jentera yang merbahaya.

(2 markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1a/2)	Muka Surat/ Page : 5 Drpd/of : 5
----------------------------	---------------------------------	---

SKEMA JAWAPAN

1. Salah
2. Betul
3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA)
4. D
5. D
6. D
7. (a) Asas dan lantai hendaklah cukup kuat untuk menahan beban.
 (b) Bumbung hendaklah cukup kuat.
 (c) Semua lantai, lantai kerja, platform, dek, tangga lorong, laluan, titi sambung, tangga dan anak tangga hendaklah dibina dengan selamat
 (d) Apa-apa cara yang semunasabahnya hendaklah diadakan, disenggarakan dan digunakan untuk memastikan akses yang selamat ke mana-mana tempat orang akan bekerja pada bila-bila masa;
 (e) Setiap bukaan, takungan bahan buangan, lubang atau bejana yang dilekatkan pada lantai atau lantai kerja hendaklah ditutup dengan selamat atau dipagar dengan selamat untuk mencegah risiko orang daripada jatuh; dan
 (f) Semua barang / benda / bahan hendaklah disusun-
 - i. mengikut cara yang boleh memastikan kestabilan dan mencegah keruntuhan.
 - ii. supaya tidak mengganggu pembahagian cahaya, pengalihan udara yang mencukupi, pengendalian jentera yang sempurna, penggunaan laluan atau titi sambung yang tidak tempat dihalang dan pengendalian atau penggunaan kelengkapan pemadam api yang berkesan.
8. **Setiap** bahagian jentera yang berbahaya hendaklah dipagar dengan selamat melainkan jika ia berada dalam kedudukan / dibina dengan cara yang selamat.
 selamat:



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN (*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA04 KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	4.1 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN 4.2 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESELAMATAN 4.3 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M04/P(1b/2)	Muka Surat/ Page : 1 Drpd / of : 10

TAJUK/TITLE: AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai jenis-jenis hazard, arahan kerja, prosedur pengoperasian selamat, plan tindakan kecemasan (ERP), papan tanda berkaitan untuk kesihatan dan keselamatan, kelengkapan perlindungan diri (PPE), kemudahan pembersihan dan kecemasan dan operasi selamat mengendalikan mesin.

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1b/2)	Muka Surat / Page : 2 Drpd/ of : 10
--------------------------	---------------------------------	--

PENERANGAN/INFORMATION:

1. Hazards Pekerjaan

Hazard boleh ditakrifkan sebagai sesuatu keadaan yang mempunyai potensi untuk menyebabkan bahaya, kecederaan, menjejaskan kesihatan, merosakkan harta benda dan alam sekitar.

1.1 Pengenalpastian Hazard

Hazard sentiasa wujud persekitaran tempat kerja. Dengan mengenalpastian jenis-jenis hazard, tindakan yang sesuai boleh dilakukan bagi mengawal, mencegah atau menghapuskan kemalangan, kecederaan dan kerosakan hartabenda

1.2 Kumpulan Hazard

Hazard pekerjaan boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu:-

i) Hazard Kesihatan

Hazard kesihatan pekerjaan adalah mana-mana ejen atau kesan daripada melakukan pekerjaan yang boleh mendatangkan penyakit kepada pekerja dan orang ramai. Hazard kesihatan boleh mendatangkan kesan serius dan menyebabkan masalah kronik untuk jangka masa panjang. Seseorang yang mengalami penyakit pekerjaan mungkin tidak mengetahui gejala-gejala serta-merta. Contohnya bunyi bising yang boleh menyebabkan kehilangan pendengaran sukar untuk dikesan sehingga ia sudah melarat. Diantara hazard kesihatan yang berlaku di tempat kerja adalah:-

- a) Kehilangan pendengaran akibat bising.
- b) Sesak nafas akibat asap.
- c) Kehilangan penglihatan akibat habuk atau haba.
- d) Demam akibat perubahan suhu.

ii) Hazard Keselamatan

Hazard keselamatan pekerjaan adalah kesan yang boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada harta benda. Hazard keselamatan boleh mendatangkan mudarat apabila kawalan ditempat kerja tidak dilakukan dengan berkesan. Diantara hazard keselamatan yang berlaku di tempat kerja adalah:-

- a) Tergelincir atau terjatuh.

- b) Tersentuh bahagian mesin yang bergerak
- c) Kerosakan pendawaian elektrik
- d) Ruang kerja sempit

iii) Hazard Alam Sekitar

Bahaya alam sekitar adalah keadaan yang mempunyai potensi untuk mengancam alam sekitar dan menjejaskan kesihatan manusia. Diantara hazard alam sekitar yang berlaku di tempat kerja adalah :-

- a) Pembakaran terbuka
- b) Habuk
- c) Asap
- d) Radiasi

1.3 Jenis Hazard

Hazard boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu:-

i) Hazard fizikal.

Hazard fizikal adalah faktor-faktor persekitaran yang boleh mendatangkan mudharat kepada pekerja tanpa menyentuhnya seperti pancaran matahari, suhu panas atau sejuk, bunyi kuat yang berterusan dan getaran.

ii) Hazard Kimia.

Hazard kimia adalah bahan kimia yang boleh menyebabkan kemudaratan atau kerosakan pada badan, harta atau alam sekitar. Bahan-bahan kimia ini boleh memasuki tubuh melalui pernafasan, pemakanan dan kulit. Hazard ini boleh menyebabkan masalah pernafasan, radangan kulit atau kebakaran. Diantara bahan-bahan bahaya kimia adalah:-

- a. Asid, bahan pelarut, cat.
- b. Wap dan asap.
- c. Bahan mudah terbakar.
- d. Racun makhluk perosak.

iii) Hazard Psikososial.

Hazard psikososial adalah sebarang hazard pekerjaan yang memberi kesan psikologi kepada pekerja. Umpamanya tekanan dan gangguan.

iv) Hazard Biologi


Hazard biologi adalah agen biologi yang boleh menyebabkan kemudaratan kepada manusia apabila bekerja. Umpamanya virus, parasit, bakteria dan toksik. Hazard biologi yang biasanya terjadi ditempat kerja adalah:-

- a) Terkena jangkitan penyakit
- b) Alahan

v) Hazard Ergonomik

Hazard ergonomik adalah keadaan fizikal yang boleh mendatangkan risiko kecederaan kepada sistem otot pekerja. Diantara hazard ergonomik adalah:-

- a) Tidak menggunakan kerusi dan meja yang sesuai.
- b) Kerap melakukan kerja-kerja mengangkat
- c) Berdiri terlalu lama ketika bekerja.
- d) Menggunakan komputer dalam jangka waktu yang lama.
- e) Cahaya persekitaran kerja yang tidak sesuai.



Rajah 1 – Jenis-jenis Hazard

2. Operasi Penggunaan Mesin

Mesin adalah alat yang menukarkan tenaga elektrik kepada tenaga mekanikal. Kebanyakan mesin atau bahagian mesin menghasilkan putaran atau bergerak. Jadi potensi menyebabkan kemalangan dari bahagian mesin yang berputar adalah tinggi. Mengadakan perlindungan keselamatan secara berkesan ke atas bahagian mesin yang bergerak adalah penting untuk melindungi pekerja.

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1b/2)	Muka Surat / Page : 5 Drpd/ of : 10
--------------------------	---------------------------------	--

2.1 Terdapat banyak kecederaan malah kematian yang berlaku ditempat kerja akibat daripada mesin dan peralatannya. Kebanyakan kemalangan ini boleh dicegah dengan kaedah berikut:-

- i) mengadakan perlindungan keselamatan yang efektif seperti pagar dan skrin.
- ii) Menyediakan prosedur arahan kerja operasi mesin.
- iii) Membuat penyelenggaraan berkala.
- iv) Mengadakan latihan.

2.2 Bagi menjamin keselamatan pekerja ketika mengendalikan mesin, semua arahan yang termaktub didalam Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) hendaklah dipatuhi.

3. Arahan Kerja, Prosedur Operasi Selamat dan Plan Tindakan Kecemasan

Amalan menyediakan arahan kerja, prosedur operasi selamat dan plan tindakan kecemasan adalah program kesihatan dan keselamatan yang berkesan untuk pekerja bagi mengelakan kemalangan tempat kerja.

3.1 Arahan Kerja

Arahan kerja adalah panduan yang menerangkan langkah-langkah bagi melakukan kerja mengikut standard dan prinsip keselamatan yang ditetapkan bagi mengelakkan bahaya dan risiko.

3.2 Prosedur Pengoperasian Selamat

Prosedur operasi selamat adalah satu kaedah pentadbiran yang menyediakan panduan dan cara yang selamat untuk melakukan sesuatu kerja dan mencegah dari perlakuan yang tidak selamat. Ia dilaksanakan dengan melakukan kerja dengan sistematik dengan mengambil kira semua *hazard* yang berkaitan dengan kerja yang dilakukan.

3.3 Prosedur operasi selamat dapat memastikan operasi dapat dilakukan dengan teratur dan selamat, Dengan ini kadar kemalangan dapat dikurangkan, kualiti kerja dapat ditingkatkan dan liabiliti syarikat dapat dikurangkan.

Prosedur ini perlu menjadi asas untuk program latihan pada setiap pekerja

3.4 Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)

Pelan Tindakan Kecemasan merupakan satu program yang dijalankan di bawah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Ia amat penting dilaksanakan supaya dapat melakukan tindakan atau respon yang sewajarnya apabila berlaku kecemasan.

Kecemasan adalah kejadian yang tidak dijangka, yang memerlukan tindakan segera disebabkan memberi ancaman kepada orang ramai harta benda dan alam sekitar.

Semasa situasi kecemasan, masa adalah kritikal.

Lazimnya, apabila berlaku kecemasan, suasana panik dan huruhara akan terjadi. Sekiranya, pelan tindakan kecemasan telah dibentuk, ia dapat memudahkan kerja-kerja mengurus dengan lebih efektif dan efisien semasa situasi kecemasan. Plan tindakan kecemasan (ERP) adalah satu plan yang berkesan, yang dibangunkan oleh majikan untuk diaplikasi ketika berlaku kecemasan.

Objektif plan tindakan kecemasan adalah:-

- i) Untuk menyelamatkan orang ramai dan alam sekitar.
- ii) Untuk mengawal keadaan dan menghadkan kerosakan.
- iii) Untuk mengawal punca insiden.

Pelan ini menggariskan langkah-langkah asas yang diperlukan untuk mengendalikan keadaan kecemasan dan memberi bimbingan yang sesuai tentang apa yang perlu dilakukan dalam keadaan kecemasan.

4. Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE)

Kelengkapan perlindungan diri, biasanya dirujuk sebagai "PPE", adalah peralatan yang dipakai bagi mengurangkan kesan terdedah kepada berbagai jenis hazard untuk mengelakkan kemalangan atau penyakit yang serius ketika melakukan kerja. Diantara peralatan perlindungan diri yang selalu digunakan ditempat kerja adalah sarung tangan, goggles, kasut, topi, apron dan penyumbat telinga.



Rajah 2 - Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE)

4.1 Semua kelengkapan perlindungan diri hendaklah mempunyai reka bentuk yang selamat dan selesa untuk dipakai. Majikan perlulah melatih dan menggalakkan pekerja-pekerja sentiasa menggunakan kelengkapan peralatan perlindungan diri yang sesuai ketika bekerja.

5. Kemudahan Pembersihan dan Kecemasan

Kemudahan pembersihan dan kecemasan adalah keperluan yang perlu disediakan di tempat kerja bagi menjaga kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kebersihan diri pekerja. Diantara kemudahan kebersihan dan kecemasan yang perlu disediakan oleh majikan adalah:-

- i. tandas
- ii. bilik makan.
- iii. bilik tukar pakaian.
- iv. air minuman bersih.
- v. peti simpanan peribadi.
- vi. kemudahan mencuci,
- vii. kit pertolongan cemas.
- viii. stesen pencuci mata.
- ix. Bilik rehat.
- x. Bilik mandi.

6. Papan tanda Keselamatan dan Kesihatan

Papan tanda keselamatan dan kesihatan adalah sekumpulan tanda-tanda seperti simbol, peta, anak panah, kod warna, piktogram dan unsur-unsur tipografik, yang digunakan untuk menerangkan atau mengarahkan tindakan yang perlu dilakukan dipersekitaran kerja terutama ditempat yang terdedah pada hazard.

Sebelum memasang papan-tanda keselamatan dan kesihatan, majikan perlu menganalisis keadaan sama ada hazard dapat dielakkan atau dikurangkan ketika melakukan kerja.

6.1 Diantara papan-tanda yang digunakan ditempat kerja adalah:-



Rajah 3 : Papan tanda Kesihatan dan Keselamatan

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1b/2)	Muka Surat / Page : 9 Drpd/ of : 10
--------------------------	---------------------------------	--

SOALAN/QUESTION :

1. Apakah tujuan pengenaltastian bahaya?

.....

.....

2. Apakah tujuan pelan tindakan kecemasan?

.....

.....

3. Apakah tanggungjawab majikan sebelum memberikan PPE kepada pekerja?

.....

.....

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(1b/2)	Muka Surat / Page : 10 Drpd/ of : 10
--------------------------	---------------------------------	---

RUJUKAN / REFERENCES:

1. Occupational Safety and Health Act 1994, (2010) Malaysia, Penerbitan Akta (M), ISBN-978-967-576-9221.
2. Chesebro T.; O'Connor L.; Rios F., (2009), Communicating in the Workplace. Prentice Hall. ISBN-13 978-0136136910.
3. Vergo P., (1974). Health and Safety at Work etc Act 1974, (Public General Acts – Elizabeth II), TSO. ISBN-13 978-0105437741
4. Health and Safety Executive, (1998), Workplace Health, Safety and Welfare: Workplace (Health, Safety and Welfare) Regulations 1992- Approved Code of Practice and Guidance (Health and Safety Commission). HSE Books. ISBN-13978-0717604135.
5. Factories and Machinery Act 1967 and Regulations, Pindaan Ogos 2008, ISBN 967701156-1
6. Garis Panduan bagi Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC), ISBN 978-983-2014-62-1



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS TUGASAN (ASSIGNMENT SHEET)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA04 KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	4.1 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN 4.2 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESELAMATAN 4.3 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M04/T(1b/2)	Muka Surat/ Page : 1 Drpd/ Of : 4

TAJUK/TITLE : AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Tugas ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan pemahaman **pelatih mengenai** jenis-jenis hazard, arahan kerja, prosedur pengoperasian selamat, plan tindakan kecemasan (ERP), papan tanda berkaitan untuk kesihatan dan keselamatan, kelengkapan perlindungan diri (PPE), kemudahan pembersihan dan kecemasan dan operasi selamat mengendalikan mesin

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1b/2)	Muka surat/ Page : 2 Drpd/of : 4
----------------------------	---------------------------------	---

ARAHAN/INSTRUCTION:

Pelatih hendaklah menjawab semua soalan dan dibenarkan merujuk Kertas Penerangan Z-009-1:2015-M04/P(1b/2)

SOALAN/QUESTION:

Untuk soalan no.1 – 3, jawab betul (B) atau salah (S) untuk kenyataan ini

1. Satu prosedur operasi yang selamat adalah dokumen bertulis yang _____
memberikan arahan langkah demi langkah tentang bagaimana untuk
melaksanakan sesuatu tugas di tempat kerja dengan selamat.

(1 markah)

2. Arahan kerja adalah satu alat yang disediakan untuk membantu seseorang _____
untuk melakukan sesuatu tugas dengan betul

(1 markah)

3. Hazard kesihatan boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius _____
dan kronik.

(1 markah)

4. Namakan lima (5) jenis hazard

(5 markah)

5. Apakah dimaksudkan dengan hazard?

- A. Bahaya yang boleh mendatangkan kesan pada manusia
- B. Tindakan tidak selamat
- C. Keadaan tidak selamat ditempat kerja
- D. Keadaan yang boleh memudaratkan manusia dan alam sekitar

(1 markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1b/2)	Muka surat/ Page : 3 Drpd/of : 4
----------------------------	---------------------------------	---

6. Apakah tujuan mengenalpastian hazard

- A. Memastikan Keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang di tempat kerja
- B. Melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada kakitangan
- C. Menggalakkan persekitaran yang sesuai untuk orang-orang di tempat kerja
- D. Mengurangkan kes-kes keselamatan di tempat kerja

(1 markah)

7. Apakah yang dimaksudkan dengan SOP?

- A. Prosedur Operasi Standard
- B. Prosedur Operasi Selamat
- C. Prosedur Operasi Spesifik
- D. Proses Operasi Standard

(1 markah)

8. Apakah kepentingan prosedur operasi selamat?

- I. Mengurangkan kejadian
- II. Mengekalkan Persijilan
- III. Liabiliti undang-undang
- IV. Memperbaiki operasi

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

(1 markah)

NO. KOD / CODE NUM.	Z-009-1:2015-M04/T(1b/2)	Muka surat/ Page : 4 Drpd/of : 4
----------------------------	---------------------------------	---

SKEMA JAWAPAN

1. Betul
2. Betul
3. Betul
- 4.i. Hazard Keselamatan
 - ii. Hazard biologi
 - iii. Hazard fizikal
 - iv. Hazard ergonomik
 - v. Hazard kimia
5. D
6. D
7. A
8. D



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 7 & 8 BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA**

KERTAS PENERANGAN (*INFORMATION SHEET*)

KOD DAN NAMA PROGRAM / <i>PROGRAM'S CODE AND NAME</i>	Z-009-1:2015 KEBOLEHAN TERAS	
TAHAP / LEVEL	SATU (1)	
NO. DAN TAJUK KEBOLEHAN TERAS / <i>CORE ABILITY NO. AND TITLE</i>	CA04 KESEDARAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR	
NO. DAN PENYATAAN KEBOLEHAN / <i>ABILITY NO. AND STATEMENT</i>	4.1 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESIHATAN 4.2 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN KESELAMATAN 4.3 PATUHI AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR	
NO. KOD / CODE NO.	Z-009-1:2015-M04/P(2/2)	Muka Surat/ Page : 1 Drpd / of : 9

TAJUK/TITLE : AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR

TUJUAN/PURPOSE:

Kertas Penerangan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pemahaman konsep kesedaran alam sekitar, memahami papan tanda yang berkaitan dengan kesedaran alam sekitar dan mematuhi Akta Alam Sekitar dan Peraturan.

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(2/2)	Muka Surat / Page : 2 Drpd/ of : 9
--------------------------	--------------------------------	---

PENERANGAN/INFORMATION:

1. Kesedaran Alam Sekitar

Alam sekitar merupakan segala elemen yang berada di sekeliling manusia. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mendefinisikan alam sekitar sebagai faktor-faktor disekeliling manusia termasuk tanah, air, atmosfera, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor biologi serta faktor sosial.

1.1 Manusia dan alam sekitar saling memerlukan antara satu sama lain. Alam sekitar menawar dan menyediakan tapak, sumber dan bahan semula jadi kepada manusia bagi membolehkan kelangsungan hidup di muka bumi. Jadi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar merupakan konsep penting dalam pengurusan alam sekitar.

1.2 Aktiviti manusia telah memberi kesan terhadap alam sekitar. Manusia telah menggunakan alam sekitar sehingga mengubah keseimbangan dan kestabilan ekologi. Manusia menjadi lalai dan leka untuk menjaga kualiti alam sekitar kerana mementingkan pembangunan. Alam sekitar membalas setiap perbuatan manusia dengan peningkatan pelbagai bencana dan malapetaka seperti banjir, tanah runtuh, kemarau, jerebu, hujan asid dan sebagainya.

2. Konsep Aktiviti kesedaran alam sekitar

Asasnya langkah-langkah pengurusan alam sekitar bergantung kepada persekitaran tanah, udara dan air. Sebagai contoh, kerja-kerja penggalian akan menghasilkan cerun- cerun curam. Ini akan membawa kepada masalah hakisan tanah dan kualiti air.

2.1 Pencemaran alam sekitar dan kemerosotan ekologi menyebabkan kerugian ekonomi seperti pencemaran udara dan pencemaran air. Keadaan ini merupakan satu tekanan kepada kerajaan untuk memperkenalkan dan meningkatkan perlindungan alam sekitar dalam menghadapi cabaran bagi mengatasi kemerosotan alam sekitar.

2.2 Bagi mewujudkan kesedaran terhadap alam sekitar, pendidikan alam sekitar perlu

diterapkan pada masyarakat. Pendidikan alam sekitar di definisikan sebagai satu proses untuk mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu alam sekitar yang membawa kepada tindakan individu dan kumpulan yang bertanggungjawab.

2.3 Pendidikan ini dapat memberi tumpuan kepada proses yang menggalakkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kemahiran membuat keputusan yang berkesan. Keperluan pendidikan untuk pembangunan lestari amat penting untuk generasi masa hadapan. Pendidikan untuk pembangunan lestari adalah usaha menyeluruh untuk meneroka kehidupan hari esok disebabkan kemusnahan yang di pelopori oleh generasi sekarang.

3. Isu-isu Semasa Alam Sekitar

Isu-isu alam sekitar dan persekitaran berhubung rapat dengan kehidupan manusia masa kini dan masa akan datang. Sumber alam perlu dipelihara kerana isu kepupusan dan pengurangan sumber.

3.1 Perkembangan teknologi menyebabkan sumber-sumber alam berkurang dan alam sekitar musnah. Teknologi moden yang digunakan dalam industri kejuruteraan dan pembuatan mempunyai kesan yang besar terhadap kehidupan manusia. Oleh kerana perubahan pesat dalam industri kejuruteraan dan pembuatan, alam sekitar juga mengalami perubahan secara drastik.

3.2 Industri pembuatan telah meningkatkan penggunaan bahan-bahan mentah seperti logam, plastik, minyak dan getah. Ini mendatangkan pelbagai kesan terhadap alam sekitar seperti kekotoran udara, kekurangan kualiti kebersihan air dan pencemaran tanah.

3.3 Kemunculan pelbagai isu dan masalaah persekitaran telah menyedarkan manusia tentang keperluan dan kepentingan memelihara serta memulihara kesejahteraan alam sekitar melalui penggunaan secara berhemah terhadap sumber disamping berusaha mengatasi permasalahan melalui kaedah pengurusan yang bersepadu, lestari dan berkesan. Diantara kaedah yang digunakan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar adalah melalui perundangan, pendidikan, teknologi, ekologi dan ekonomi.

3.4 Diantara isu-isu alam sekitar yang berpunca daripada perbuatan manusia adalah

- i) Pencemaran.
- ii) Perubahan iklim.
- iii) Pemanasan global
- iv) Pembasmian hutan
- v) Pertambahan penduduk
- vi) Bahan buangan.
- vii) Hujan asid
- viii) Penipisan lapisan ozon
- ix) Pertumbuhan bandar

a) Pencemaran

Pencemaran alam sekitar boleh didefinisikan sebagai suatu tindakan yang mengotorkan alam sehingga boleh menjejaskan ekosistem di muka bumi ini. Tindakan manusia adalah punca utama pencemaran. Ini disebabkan kehendak pembangunan ekonomi telah merosakkan ekosistem semula jadi. Ia tidak terhad kepada air, tanah dan bunyi, tetapi juga kepada cahaya, visual, titik punca dan bukan titik punca. Asasnya pencemaran air berlaku disebabkan oleh tumpahan minyak, air limpahan bandar dan lambakan di lautan. Pencemaran udara berpunca daripada pembakaran bahan api fosil, kebocoran hidraulik dan asap yang dikeluarkan oleh kenderaan. Pencemaran air dan tanah kebanyakannya berpunca daripada sisa industri.

b) Perubahan Iklim

Perubahan iklim bukanlah keadaan proses semula jadi. Ia berlaku disebabkan oleh kesan buruk akibat daripada pemanasan global, kesan rumah hijau, haba bandar, industri arang batu dan sebagainya. Perubahan iklim bukan sahaja mengubah senario cuaca tetapi mempunyai kesan yang lebih besar dan berbahaya. Antaranya, termasuklah: lebur pencairan ais di kawasan kutub, kemunculan penyakit baharu dan kerencatan pertumbuhan tumbuhan yang penting bagi kelangsungan hidup manusia.

c) Pemanasan Global

Pemanasan global akan meningkatkan suhu bumi disebabkan oleh kesan gas rumah hijau seperti karbon dioksida, metana, wap air dan gas. Selama

beberapa dekad, pengumpulan gas rumah hijau telah meningkat dengan pesat lalu memanaskan permukaan bumi, seterusnya mengakibatkan pemanasan global. Menurut laporan Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA), suhu bumi telah meningkat sebanyak 0.8 darjah Celsius sejak abad yang lalu. Pemanasan global merupakan ancaman dan kebimbangan yang serius terhadap kesihatan awam dan alam sekitar. Kesan jangka panjangnya menyebabkan pencairan glasier, perubahan iklim, kemarau, penyakit dan taufan.

d) Pembasmian hutan

Dengan kadar pertumbuhan penduduk yang pesat, permintaan terhadap makanan, tempat perlindungan dan pakaian telah meningkat hampir tiga kali ganda. Untuk mengatasi permintaan ini, salah satu daripada tindakan langsung adalah melalui pembasmian hutan. Pembasmian hutan bermaksud pembersihan hutan untuk tujuan pertanian, perindustrian atau pembandaran. Ia melibatkan pelenyapan hutan bagi memberi laluan kepada tujuan kediaman, komersil atau perindustrian.

e) Pertambahan penduduk

Penduduk berlebihan memberi kesan kepada isu-isu alam sekitar. Pencemaran air, krisis sumber, ketidakseimbangan gender, pencemaran, pertumbuhan bandar dan pembasmian hutan adalah beberapa kesan akibat penduduk berlebihan.

f) Bahan buangan

Peningkatan permintaan makanan, tempat perlindungan dan kediaman telah menyebabkan banyak barangan perlu dihasilkan. Oleh itu, banyak bahan buangan terhasil. Sebahagian besar bahan buangan dilambak di tapak pelupusan. Kewujudan tapak-tapak pelupusan telah menimbulkan masalah alam sekitar yang serius. Ia memberi kesan kepada kesihatan manusia, menurunkan kualiti tanah, menjejaskan habitat hidupan liar, mencemar air dan udara serta merubah iklim.

g) Hujan Asid

Hujan bersifat asid disebabkan oleh kewujudan beberapa bahan pencemar dalam atmosfera. Bahan pencemar ini wujud di atmosfera akibat pembakaran

NO. KOD /CODE NO.	Z-009-1:2015–M04/P(2/2)	Muka Surat / Page : 6 Drpd/ of : 9
--------------------------	--------------------------------	---

bahan api fosil, aktiviti perindustrian, bencana alam seperti letusan gunung berapi, kilat yang menghasilkan nitrogen dioksida dan proses penguraian tumbuhan atau bakteria. Hujan asid terjadi dalam bentuk hujan, salji, kabut atau bahan-bahan kering yang mendap di bumi.

Hujan asid boleh mempunyai kesan yang amat buruk terhadap hidupan akuatik, hutan, kesihatan awam, seni bina dan bangunan.

h) Penipisan Lapisan Ozon

Lapisan ozon ialah lapisan gas yang berada 25-30 km dari atas bumi. Ia mengandungi ozon, molekul yang terbentuk secara semula jadi. Lapisan ini hadir dalam stratosfera dan menghalang radiasi UV (ultra violet) yang amat berbahaya daripada memasuki atmosfera bumi. Lapisan ozon mampu menyerap 97-99% daripada radiasi ultra violet yang dipancarkan oleh matahari. Dalam tempoh beberapa dekad ini, aktiviti manusia dan perindustrian telah menipiskan lapisan ozon. Ini disebabkan oleh pelepasan klorin dan bromin secara berlebihan.

i) Pertumbuhan bandar

Pertumbuhan bandar telah menyebabkan kemerosotan tanah berlaku. Pengembangan kawasan industri bukan sahaja menyebabkan kemerosotan dan pencemaran tanah tetapi juga kemusnahan habitat. Alam semula jadi yang terdiri daripada flora dan fauna dimusnahkan dan dilenyapkan dengan sewenang-wenangnya. Keadaan ini membawa kepada isu alam sekitar yang serius.

4. Papan tanda alam sekitar

Papan tanda alam sekitar adalah sekumpulan tanda-tanda seperti simbol, peta, anak panah, kod warna, piktogram dan unsur-unsur tipografik, yang digunakan untuk menerangkan maksud berkaitan alam sekitar.

4.1 Papan tanda yang biasa digunakan untuk menunjukkan arahan berkaitan alam sekitar adalah seperti berikut.

	Papan tanda ini menunjukkan kempen memulihara alam sekitar dengan menjaga ekologi sifat bumi dibersihkan.
